

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN RIHANUN MD SAMIN  
BEKAS TIMBALAN PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA  
MALAYSIA (PNM)  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG KAJIAN  
SAINS PERPUSTAKAAN**

**RABIATUL ADAWIAH BINTI HAMID**

**(2019660498)**

**SHAFIENA BINTI MISAMARDZAN SANAY**

**(2019612982)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2020 - FEBRUARI 2021**

## ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	iv
	Senarai Singkatan	vi
	Rujukan Kata	vii
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	4
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	5
3.0	Sejarah Lisan	7
	3.1 Pengenalan	7
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0	Kajian Literatur	14
	4.1 Topik 1	14
	4.2 Topik 2	17
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	20
6.0	Log Temubual	143
7.0	Ralat	156
8.0	Glosari	158
9.0	Indeks	161
10.0	Bibliografi	165
11.0	Lampiran	168
	11.1 Biografi Tokoh	168
	11.2 Surat Perjanjian	169
	11.3 Senarai Soalan	170
	11.4 Diari Penyelidikan	177
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	182

## ABSTRAK

### ABSTRAK

---

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan seorang alumni ITM [Institusi Teknologi Mara] yang mengambil bidang Kajian Sains Perpustakaan di Fakulti Pengajian Maklumat. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung sejarah tokoh jasa, sumbangan dan kejayaan beliau terhadap Fakulti Pengajian Maklumat, masyarakat dan Negara. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh ini, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran, cabaran atau kekangan yang dihadapi, peristiwa pahit dan manis dan pengalaman hidup beliau ketika belajar sehingga berpujian dan diberi gelaran tokoh. Sejarah tentang alumni ITM [Institusi Teknologi Mara] yang mengambil bidang Kajian Sains Perpustakaan di Fakulti Pengajian Maklumat ini juga turut memfokuskan secara menyeluruh tentang peristiwa-peristiwa semasa bergelar pelajar, beliau memulakan kerjaya sehingga beliau menamatkan kerjaya dan ingin mengetahui apa yang beliau lakukan hari ini selepas menamatkan kerjaya. Kajian ini bukan sahaja melalui Puan Rihanun Md Samin sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam.*

### KATA KUNCI

---

Tokoh, ITM, Alumni, Kajian Sains Perpustakaan, Fakulti Pengajian Maklumat.

## ABSTRACT

---

*This transcript discusses about the experiences of a figure which is an ITM alumni [Mara Technology Institution] who takes the field of Library Science Studies at the Faculty of Information Studies. Many of the communities nowadays, especially the new generation in this era do not know directly the history of the figure, her contribution and success towards the Faculty of Information Studies, society and the nation. While touching a little bit on the background of this figure, this oral historical project will attempt to uncover the truth, challenges or constraints faced, the bitter and sweet events and experiences of her life while studying up to pensionable and given the title of figure. History of ITM alumni [Mara Technological Institutions] who took the field of Library Science Studies at the Faculty of Information Studies also focused extensively on current events as students, Puan Rihanun began her career until she finished her career and wanted to find out what she were doing today after completing his career. This study not only goes through Puan. Rihanun Md Samin herself, but also derived from other sources to see how well the similarities and differences in the study have been done. The implications of this study are mainly for researchers, students and the general public.*

## KEYWORDS

---

Figure, ITM, Alumni, Library Science Studies, Faculty of Information Studies.



## PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke atas limpah rahmat dan kurnia yang telah diberi kepada kami untuk menyiapkan kerja kursus ini. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Siti Noorsiah iaitu pensyarah kami dalam subjek Dokumentasi Lisan (IMR604) ini. Beliau telah memberi peluang keemasan kepada kami untuk melakukan kajian ini. Secara tidak langsung, ia dapat membantu kami untuk membuat banyak rujukan dan akhirnya kami mendapat banyak maklumat serta meluaskan pengetahuan tentang kajian yang dicari.

Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa kami serta rakan-rakan atas kerjasama mereka untuk menyiapkan projek ini. Mereka sentiasa memberi sokongan dan dorongan sepanjang perjalanan menyiapkan kajian. Sokongan yang tidak putus dari mereka semua dapat membantu kami untuk menjadi lebih kuat kerana tanpa mereka, kajian ini tidak mudah untuk dilakukan.

Terakhir sekali, kami berasa amat bersyukur kepada Tuhan kerana menolong dan memberi panduan sepanjang kajian ini dijalankan dan memberi kami tubuh badan yang sihat dari segi fizikal dan mental.

## SENARAI ABREVIASI

NO	SINGKATAN	MAKSUD
1	ASK	Akedemi Seni Kebangsaan
2	ALA	American Library Association
3	FRU	Federal Reserve Unit
4	HSC	Higher School Certificate
5	IAB	Institut Aminuddin Baki
6	ISO	International Organization for Standardization
7	ITM	Institut Teknologi Mara
8	KL	Kuala Lumpur
9	KLCC	Kuala Lumpur City Center
10	Masscom	Mass Communication
11	Maths	Mathematics
12	MC	Master of ceremonies
13	OP	Overhead Projector
14	OPAC	Online Public Access Catalog
15	PKD	Dasar Perhubung Korporat Dan Komunikasi
16	PhD	Doctor of Philosophy
17	PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
18	PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
19	PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
20	PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
21	PTT	Pegawai Tidak Tetap
22	RAY	Raja Abdullah Yakoob
23	RRI	Rubber Research Institute
24	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
25	SSB	Sistem Saraan Baru
26	TYT	Tuan Yang Terutama
27	UiTM	Universiti Teknologi MARA

28	UM	Universiti Malaya
29	UMNO	United Malays National Organisation Malaysia
30	UK	United Kingdom
31	US	United States
32	USM	Universiti Sains Malaysia
33	Vets	Veterinarian
34	VIP	Very Important Person
35	VLS	Virtual Library System
36	YB	Yang Berhormat

## **SENARAI SINGKATAN**

RMS: Rihanun Md Samin

RAH: Rabiatal Adawiah Hamid

SMS: Shafiena Misamardzan Saney

## RUJUKAN KATA

NO	RUJUKAN KATA	MAKSUD
1	Aah/Haah	Ya
2	Ade	Ada
3	Adui/Alaa/Aloo	Aduhai
4	Alih	Pindah
5	Ambik/Ambek/Amek	Ambil
6	Anu	Benda
7	Ape	Apa
8	Bagai-bagai	Pelbagai
9	Bagitahu	Beritahu
10	Bak	Bagi
11	Bapak	Bapa
12	Bawak	Bawa
13	Besok	Esok
14	Bubuh	Letak
15	Bukak	Buka
16	Cane	Macam mana
17	Centu/Gitu	Seperti itu
18	Dah	Sudah
19	Depa	Mereka
20	Depan	Hadapan
21	Dok	Asyik
22	Dolu-dolu	Dulu-dulu
23	Dulu	Dahulu
24	Ea/Eh	Ya/Kan
25	Ha	Ya
26	Hang	Awak
27	Harini	Hari Ini
28	Haritu	Kelmarin

29	Jap/Kejap/Sekejap	Sebentar
30	Je/Aje/Saje	Sahaja
31	Jugak	Juga
32	Kan	Ya
33	Kang/Karang	Nanti/Sebentar lagi
34	Kau	Engkau
35	Kecik	Kecil
36	Kitorang	Kami
37	Kot	Rasanya/Mana Tahu/Agak- Agak
38	La/Lah	Rasanya
39	Lepastu/Pastu	Selepas Itu
40	Mai	Datang
41	Mau	Mahu
42	Nak	Hendak/Perlu
43	Ni	Ini
44	Oh	Ya/Kan
45	Okay	Baiklah
46	Pasal	Tentang
47	Tapi	Tetapi
48	Pak	Pak Cik
49	Pegi	Pergi
50	Pesen	Fesyen
51	Pulak	Pula
52	Pun	Memang/Sahaja
53	Pustakaaan	Perpustakaan
54	Sat na	Sekejap ya
55	Sape	Siapa
56	Sorang	Seorang
57	Setengah-setengah	Sesetengah
58	Tah	Entah

59	Tak	Tidak/Bukan
60	Takat	Setakat
61	Takpe	Tidak Mengapa
62	Tak Ada/Takde/Takdak	Tiada
63	Tapi	Tetapi
64	Tau	Tahu
65	Temu	Bertemu
66	Tok	Datuk
67	Tu	Itu
68	Tau	Tahu

# **BIODATA PENEMUBUAL**





## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	Rabiatul Adawiah Binti Hamid
Tarikh Lahir	15 Mac 1998
Tempat Lahir	Shah Alam, Selangor
Alamat	Lot 1071 Jalan Rantau Panjang, 42100 Klang, Selangor
No Telefon	017-3475836
Emel	<a href="mailto:rabiatuladwh@gmail.com">rabiatuladwh@gmail.com</a>
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Shafiena Binti Misamardzan Saney
Tarikh Lahir	04 April 1998
Tempat Lahir	Kuala Lumpur
Alamat	Kampung Lubuk Bandung Simpang Bekoh, 77100 Asahan, Melaka.
No Telefon	017-6340851
Emel	<a href="mailto:sharashafiena56@gmail.com">sharashafiena56@gmail.com</a>
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

# **BIODATA TOKOH**



## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.0 BIODATA TOKOH



Nama	Rihanun Binti Md Samin
Nama Samaran	Anum
Tarikh Lahir	08 Mei 1952
Tempat Lahir	Alor Setar, Kedah
Status	Berkahwin
Nama Suami	Dr. Aziz Bin Sulaiman
Emel	<a href="mailto:azizsulaiman604@gmail.com">azizsulaiman604@gmail.com</a>
Profesion	Bekas Timbalan Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Bahagian Dasar Perhubungan Komunikasi dan Dasar Korporat
Bidang	Sains Perpustakaan

## 2.1 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Tokoh yang dipilih ialah Puan Rihanun Binti Md Samin. Beliau merupakan seorang alumni dari Kajian Sains Perpustakaan pada tahun 1976 . Beliau merupakan seorang Bekas Timbalan Pengarah, Bahagian Perhubungan Komunikasi dan Dasar Korporat di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebelum menamatkan perkhidmatannya pada tahun 2008. Pengalaman beliau dalam bidang ini membuktikan beliau adalah seorang tokoh yang hebat dan dapat mengenali setiap fungsi bagi setiap jenis perpustakaan yang ada seperti perpustakaan awam, perpustakaan khusus dan sebagainya. Beliau boleh dikategorikan sebagai orang lama dalam bidang Sains Perpustakaan ini.

Menurut Puan Rihanun, beliau dan rakan-rakan seperjuangannya telah lulus Diploma Kajian Sains Perpustakaan, ITM dan seterusnya memulakan kerjaya di tempat bertugas tertentu. Beliau tidak menyambung pengajian selepas tamat diploma, tetapi beliau banyak mengikuti kursus pendek semasa bekerja di dalam bidang perpustakaan disamping pengurusan, kewangan, pengkomputeran, teknologi dan lain-lain. Pengalaman ini amat bermakna buatnya kerana secara tidak langsung ia dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran beliau dalam bidang ini.

Pada awal perkhidmatannya, beliau telah ditugaskan sebagai Pegawai Perpustakaan di Ibu Pejabat UMNO, Bangunan Talasco, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Puan Rihanun berkhidmat di Ibu Pejabat UMNO selama satu tahun sebelum berpindah ke Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PPAM) pada tahun 1978. Seterusnya, beliau juga telah menyandang banyak jawatan dalam bidang perpustakaan di lokasi yang berbeza terutamanya di Kuala Lumpur dan Melaka.

Menurut Puan Rihanun, tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada beliau semasa bekerja antaranya ialah mengurus perpustakaan khusus di pelbagai bahagian Kementerian. Seterusnya, beliau juga mengurus latihan bagi warga Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan perkhidmatan gunasama perpustakaan di samping mengurus komunikasi, perhubungan awam dan dasar korporat. Sepanjang tempoh bekerja, beliau sangat berdedikasi menjalankan tugasnya untuk mencari rezeki untuknya dan juga keluarga.

# SEJARAH LISAN



## 3.0 SEJARAH LISAN

### 3.0 PENGENALAN

Sejarah lisan ini diadakan adalah kerana untuk mencungkil kehidupan seseorang individu yang telah banyak berjasa dalam sesuatu bidang. Menurut Ahmad (1987), sejarah lisan bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan sejarah hidup dan pengalaman seseorang. Ia turut disokong oleh Starr (1984) yang mengatakan, tujuan sejarah lisan adalah untuk mengumpulkan fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula serta merupakan penyambung kepada proses pengumpulan data sejarah setelah hilangnya tradisi pengumpulan penulisan sejarah. Ini dapat disimpulkan bahawa faktor wujudnya sejarah lisan adalah untuk menjaga sesuatu maklumat atau sumber tertentu supaya ia akan kekal untuk dijadikan pengajaran dan rujukan pada masa akan datang.

Definisi sejarah lisan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), sejarah bermaksud asal usul, yang juga sinonim dengan peristiwa atau kisah. Manakala untuk lisan pula bermaksud, sesuatu yang diucapkan melalui kata-kata. Jika digabungkan, ia bermaksud penceritaan semula tentang sejarah masa lampau dan peristiwa yang berlaku pada waktu itu untuk didokumentasikan menjadi memori yang boleh dirujuk oleh generasi pada masa akan datang. Manakala menurut Siti Roudhah Mohamad Saad (2012), sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Ianya berlaku kerana adanya proses mengumpul, memelihara dan menafsirkan penceritaan seseorang. Oleh itu, sejarah lisan bermaksud penceritaan tentang pengalaman hidup seseorang untuk dijadikan memori yang berharga kepada kita.

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh akan dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang telah menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu (Pusat Kajian Sejarah Lisan,

UKM, 2007). Manakala menurut Seow Han Lin (2020), sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan sesuatu fakta sejarah yang diperoleh adalah benar dari kisah hidup seseorang untuk mencatat kejadian lepas yang pernah dilalui oleh mereka. Ia dapat disimpulkan bahawa kaedah ini amat berkesan dan masih digunapakai sehingga kini kerana nilainya yang tinggi.

### 3.1 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk membimbing pengkaji untuk melakukan sesuatu mengikut garis panduan yang benar terutama yang melibatkan perkara atau peristiwa – peristiwa yang tidak pernah diketahui masyarakat akan kewujudannya. Antara tujuan penulisan sejarah lisan ini diadakan adalah kerana:

- i. Untuk mengetahui sejarah awal tentang penubuhan ITM.
- ii. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pendidikan kajian sains perpustakaan pada tahun 1968 sehingga 1978.
- iii. Untuk merekodkan dan membukukan peristiwa dan kisah kejayaan tokoh sebagai alumni sains perpustakaan, ITM.



## 3.2 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Bahagian ini memperincikan secara jelas impak kajian dan menjelaskan apakah faedah-faedah daripada hasil kajian kepada organisasi, masyarakat, negara, agensi berkaitan dan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji. UPSI, (2018).

### 3.2.1 FAKULTI

Hasil tinjauan menyatakan sejarah lisan juga mempunyai kepentingan dimana menguatkan lagi hasil sejarah lisan dan mempunyai cabaranya yang tersendiri. Menurut Mohd. Amin Hassan, (1974) kekuatan sejarah ialah apabila kita memperolehi suatu khazanah pengetahuan yang kaya mengenai sejarah kebudayaan Melayu lama. Justeru itu, beliau juga menyatakan bahawa apabila masyarakat boleh menerima konsep tradisi lisan contohnya masyarakat Kongo, percaya akan sejarah yang diceritakan oleh nenek moyang mereka, maka ia menguatkan lagi kepercayaan mereka dengan kaedah tersebut sebagai suatu 'kebenaran sejarah' dan mereka tidak perlu menyusah-nyusahkan diri untuk memikirkan samada perkara itu boleh berlaku atau tidak, manasabah atau sebaliknya, atau sama ada ianya benar-benar berlaku seperti yang dikesahkan dalam tradisi. Selain itu, menurut Nazaruddin, (2001) semasa pendudukan Jepun kesannya dapat dilihat dari segi sosial, ekonomi, dan politik dimana keadaan ketika itu sangat teruk. Fakta ini dikuatkan lagi dengan menggunakan kaedah sejarah lisan dimana menemu bual orang yang mengalami zaman jajahan itu sendiri. Dan maklumat itu dapat dibuktikan melalui penceritaanya. Kekuatan sejarah lisan juga dilihat sebagai pengukuh kepada bahan bertulis dan dapat memperbanyakkan lagi sumber-sumber yang kurang.

Menurut Nadzan (1979/1980) faedah sejarah lisan adalah untuk mengetahui informasi-informasi mengenai peristiwa di masa lalu, yang sebelumnya masih ditulis secara general atau umum. Dengan adanya sejarah lisan, maka kisah-kisah tokoh yang tidak tertulis yang terjadi di masa lalu boleh ditulis dan dijadikan rujukan kepada generasi berikutnya. Sudah terang lagi bersuluh, sejarah lisan membantu kita

mengkaji sesuatu peristiwa sejarah yang terjadi secara lebih terperinci terutamanya dalam konteks jasa dan sumbangan tokoh kepada masyarakat dan negara terutamanya dalam topik penyelidikan kajian tokoh Alumni Kajian Sains Perpustakaan daripada fakulti pengajian maklumat di ITM suatu masa dahulu.

Menurut Mohd. Amin Hassan, (1974) tradisi lisan selalu sahaja digunakan sebagai sumber dan bahan untuk mengkaji sejarah ketika zaman klasik. Oleh itu, sejarah lisan dapat kita bukukan dan pameran untuk menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik daripada 8 organisasi yang lain. Menurut Mahani Musa, (2017) projek pendokumentasian peristiwa sejarah yang dilihat berguna untuk rujukan para penyelidik.

Ini juga dapat memberi faedah kepada penyelidik untuk membuat rujukan hasil dari jasa dan sumbangan tokoh Alumni Sains Perpustakaan yang tidak ternilai terhadap bidang akademik atau kerjaya sejurus dapat menaikkan Nama Sains Perpustakaan di seluruh Malaysia. Menurut Mahani Musa, (2017) kepentingan sejarah lisan ini sama ada untuk tujuan individu atau institusi akan menjadi lebih tertonjol jika ianya dijalankan secara sistematik. Sejarah lisan boleh menyumbang kepada pemantapan pendokumentasi sejarah dan warisan negara.

### 3.2.2 MASYARAKAT DAN NEGARA

Hasil sejarah lisan juga dapat dipelihara zaman-berzaman kerana nilai sejarahnya yang mahal memaikan peranan penting dalam masyarakat. Menurut Universiti Kebangsaan Malaysia, (2007) rakaman wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu yang pernah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu itu. Menurut Nadzan (1979/1980), faedah sejarah lisan ini juga dapat mengisi kekosongan dan jurang yang terdapat pada sumber bertulis dengan melakukan penyelidikan menggunakan kaedah lisan. Ini membolehkan kita memperbanyakkan lagi sejarah lisan untuk meningkatkan lagi koleksi-

koleksi berkaitan negara, pendidikan atau apa sahaja terutamanya di perpustakaan, arkib atau institusi pengajian untuk dijadikan rujukan kepada masyarakat. Menurut Sartono Kartodirdjo, (1991) sejarah merupakan rujukan orang pada masa lalu yang terhasil daripada persoalan yang timbul dan dikemukakan. Sejarah merupakan sebuah cerita tentang peristiwa di masa lampau yang mengungkap fakta apa, siapa, bila, di mana dan menerangkan bagaimana sesuatu peristiwa itu berlaku.

Selain itu, menurut Mohd. Amin Hassan, (1974) juga menyatakan bahawa adalah besar faedahnya jika dalam mengadakan temuramah dan menjalankan sejarah lisan itu kita menanyakan tokoh-tokoh yang kita temuramah itu samada mereka mempunyai sebarang rekod bertulis yang boleh diabadikan bersama-sama ingatan dan kenangan mereka. Rekod-rekod yang demikian, itulah yang akan dapat digunakan oleh kaedah sejarah lisan bagi membuktikan kebenaran atau kepalsuan ingatan dan kenangan tokoh-tokoh itu. Pernyataan ini amat penting juga untuk memelihara kualiti sesuatu maklumat dalam perkara yang penting dimana untuk memastikan kesahihan maklumat diberikan ketika bercakap dan dituliskan adalah benar.

Selain itu, faedah sejarah lisan ialah penulisan sejarah menjadi lebih demokratik dan dapat memupuk semangat patriotisme iaitu cinta akan negara jika responden itu seorang tokoh memberi sumbangan kepada negara dalam apa jua bidang secara lansung atau tidak. Menurut RMY, (2015) untuk memupuk semangat patriotisme, projek yang boleh dilaksanakan ialah temubual mengenai sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku bagi menghasilkan sejarah lisan, ini dimana pelajar boleh menggunakan kaedah menemu bual tokoh untuk merekod peristiwa tersebut. Sekarang, di Malaysia kita boleh menyelamatkan sejarah dengan menambah kuantiti tradisi lisan daripada bertulis. Menurut Nadzan, (1979) tradisi lisan dapat menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara

yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan dengan lebih semangat dan teliti.

Kita juga dapat lihat faedah sejarah lisan dimana melibatkan komunikasi secara bersemuka atau tidak di antara penyelidik dengan responden. Contohnya, kajian temuramah yang bakal kami jalankan terhadap Alumni ITM. Penemuramah boleh melakukan soal jawab dengan mengajukan soalan terus kepada responden jika maklumat diberikan kurang jelas atau tidak menepati kriteria soalan. Ini menunjukkan hasil penyelidikan adalah asli dan tiada tokok tambah hasil daripada temubual dengan primer. Menurut Abdul Rahman, (1996) Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temuramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh para penyelidik dan informan.

# **KAJIAN LITERATUR**



## 4.0 KAJIAN LITERATUR

Tinjauan literatur merupakan penulisan yang kritikal dan analitikal tentang penulisan ilmiah yang telah diterbitkan oleh sarjana dan penyelidik tentang topik yang dikaji. Tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca apakah hujah-hujah yang telah digunakan dalam merangka penyelidikan serta membincangkan kekuatan dan kelemahan kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk dan skop kajian ini. Universiti Pendidikan Sultan Idris, (2018).

### 4.0 TOPIK 1

#### 4.0.1 DEFINISI

Banyak definisi sejarah telah dinyatakan dalam pelbagai sumber bertulis seperti jurnal, buku dan sebagainya sebelum ini antaranya menurut Rozeman Abu Hassan (2004), Louis Starr menyatakan bahawa sejarah lisan adalah penerus kepada proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah.

#### 4.0.2 KEBAIKAN

Hasil tinjauan menyatakan sejarah lisan juga mempunyai kepentingan dimana menguatkan lagi hasil sejarah lisan dan mempunyai cabaranya yang tersendiri. Menurut Mohd. Amin Hassan, (1974) kekuatan sejarah ialah apabila kita memperolehi suatu khazanah pengetahuan yang kaya mengenai sejarah kebudayaan Melayu lama. Justeru itu, beliau juga menyatakan bahawa apabila masyarakat boleh menerima konsep tradisi lisan contohnya masyarakat Kongo, percaya akan sejarah yang diceritakan oleh nenek moyang mereka, maka ia menguatkan lagi kepercayaan mereka dengan kaedah tersebut sebagai suatu 'kebenaran sejarah' dan mereka tidak perlu menyusah-nyusahkan diri untuk memikirkan samada perkara itu boleh berlaku atau tidak, manasabah atau sebaliknya, atau sama ada ianya benar-benar berlaku seperti yang dikesahkan dalam tradisi. Selain itu, menurut Nazaruddin, (2001) semasa pendudukan Jepun kesannya dapat dilihat dari segi sosial, ekonomi, dan politik dimana keadaan ketika itu sangat teruk. Fakta ini

dikuatkan lagi dengan menggunakan kaedah sejarah lisan dimana menemu bual orang yang mengalami zaman jajahan itu sendiri. Dan maklumat itu dapat dibuktikan melalui penceritaanya. Kekuatan sejarah lisan juga dilihat sebagai pengukuh kepada bahan bertulis dan dapat memperbanyakkan lagi sumber-sumber yang kurang.

#### 4.0.3 CABARAN

Mohd. Amin Hassan, (1974) juga menyatakan tradisi lisan mempunyai beberapa kelemahan iaitu dimana seorang penyelidik itu perlu terlebih dahulu mendapatkan kepercayaan yang penuh daripada orang-orang yang ingin dikajinya itu; dimana mereka haruslah menjelaskan tujuan pengkajiannya agar masyarakat yang sedang dikajinya itu tidak akan mengesyaki sebarang prasangka buruk tentang tujuan kedatangannya untuk mewawancara. Oleh itu, ia mungkin memakan masa yang lama--sebulan, dua bulan ataupun setahun sehingga penyelidik itu memperoleh pencapaian atau diiktiraf bahawa dia seorang penyelidik atau sejarawan. Beliau juga mengatakan penggunaan pita rakaman membuatkan seseorang tokoh sejarah itu mungkin tidak mahu berterus terang semasa wawancara sekiranya ia mengetahui bahawa segala percakapan dan pendapatnya akan diabadikan ke dalam pita atas sebab-sebab yang sensitif.

Menurut Rozeman Abu Hassan (2004), satu daripada kelemahan yang besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Misalnya bagi sejarah negeri-negeri Melayu. Cuma beberapa negeri sahaja yang mempunyai sumber-sumber asli yang berkaitan dengan perkembangan sejarah negeri tersebut, tetapi itupun hanya terhadap kepada kurun yang ke-19 sahaja. Masalah ini lebih serius kerana di Malaysia tidak terdapat satu tradisi menyimpan catatan harian, menulis dokumen-dokumen yang lain atau menulis riwayat hidup. Masa yang akan diambil untuk menemu bual, menterjemah dan menulis semula transkrip juga adalah panjang. Menurut, Nadzan (1979/1980), pelaksanaan melakukan sesuatu proses

itu memerlukan masa yang panjang. Masa persediaan untuk menemu bual berjalan selama satu jam hingga dua puluh jam.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa sejarah lisan dapat memperkayakan lagi tradisi sejarah dan membuktikan kesahihan fakta-fakta yang dibeikan oleh seseorang tokoh. Menurut Rozeman Abu Hassan, (2004) sumber lisan ini dapat memperkayakan lagi tradisi lisan kerana sumber lisan dikatakan mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri berbanding sumber lain. Seterusnya, mengambil masa yang panjang ketika temu ramah sangatlah dialukan dan penting kerana hasil temu bual dapat dinilai dengan mengkaji bukti-bukti daripada sumber-sumber sejarawan atau responden yang pernah diungkapkan atau dituliskan mengenai topik diceritakan itu. Ia juga penting untuk meningkatkan lagi keseronokkan tokoh yang ditemu bual memberi banyak maklumat melalui penceritaanya tanpa menghiraukan sensitiviti kerana bahagian itu boleh ditapis; justeru itu akan memperbanyakkan lagi bukti atau pengkisahan yang terjadi ketika itu. Hal ini ni kerana 12 sesetengah tokoh tidak mahu menceritakan kepahitan dalam penceritaanya, oleh itu hasil temu bual akan menjadi sikit dan kurang fakta.



## 4.1 Topik 2

### 4.1.1 DEFINISI

Fakulti Pengurusan Maklumat (Kajian Sains Perpustakaan) ditubuhkan dengan matlamat untuk membentuk dan menyelenggarakan rancangan pendidikan sesuai bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di Malaysia dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat. Institut Teknologi Mara (1993).

### 4.1.2 KEPENTINGAN

Menurut Institut Teknologi Mara, (1993) Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat merupakan Kajian printis dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat di Malaysia yang ditubuhkan pada 1968. Kursus yang ditawarkan adalah merupakan kursus untuk menampung keperluan “External Profesional Examination of The Library Association United Kingdom”.

### 4.1.3 CABARAN

Menurut Institut Teknologi Mara, (1993) pada tahun 1972 Kursus Diploma Sains Perpustakaan telah diperkenalkan yang merupakan kursus yang berasaskan kurikulum tempatan dan masa pengajian adalah selama 3 tahun. Tahun 1992 adalah merupakan tahun yang bersejarah bagi Kajian ini kerana tempoh pengajian program Diploma Sains Perpustakaan telah pertingkatkan kepada 4 tahun. Adalah diharapkan pelaksanaan program ini akan meningkatkan lagi kualiti dan kewibawaan para graduan dan seterusnya dapat menyumbangkan keperluan guna tenaga dalam bidang Sains Perpustakaan, Sains Maklumat dan serta Pentadbiran Arkib dan Pengurusan Rekod. Daripada kenyataan kajian itu kita dapat melihat bahawa Kajian Sains Perpustakaan dapat meningkatkan lagi kemahiran pelajar dan dapat melaksanakan tugas-tugas dengan penuh dedikasi.

#### 4.1.4 TANGGUNGJAWAB

Kursus ini dapat membantu tenaga pengajar, kakitangan atau pekerja-pekerja perpustakaan memperbaiki lagi urusan melakukan kerja-kerja perpustakaan agar lebih sistematik agar menjadi sumber terbaik untuk penggunaannya. Menurut Institut Teknologi Mara (1993), kursus ini telah membimbing pembantu/kerani di perpustakaan untuk mendapat bimbingan mengenai Pengurusan Perpustakaan Pusat Maklumat secara teori dan praktikal. Sebelum berakhirnya 1993, pensyarah-pensyarah di kajian juga ditugaskan untuk membentangkan kertas kerja samada di dalam atau pun di luar negara. Setelah lebih kurang 15 tahun berada di kampus ITM, Jalan Othman, Petaling Jaya, Kajian telah berpindah semula ke Kampus Induk ITM, Shah Alam pada 29 Disember 1993. Pejabat baru Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di tempatkan di Blok C, Kompleks Tahir Majid, Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

**TRANSKRIP TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH**



## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

### SESI 1

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan. Bersama-sama kami ialah Puan Rihanun Md Samin yang merupakan seorang bekas Penolong Pengarah, Bahagian Perhubungan Komunikasi dan Dasar Korporat di Perpustakaan Negara Malaysia [PNM]. Rakaman ini dijalankan pada tarikh tiga puluh [30] November bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 11 pagi [11:00am] bertempat di platform [Zoom]. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Rabiatal Adawiah Binti Hamid dan juga Shafiena binti Misamardzan Saney. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**RAH: Okay, baiklah puan, untuk soalan, untuk permulaan kepada temubual ini, kami ingin mengetahui serba sedikit tentang latar belakang puan. Boleh puan ceritakan sedikit tentang diri puan?**

RMS: Okay, (pandang tepi) waalaikumsalam warahmatullah wabarakatuh. Okay, nak cerita tu maksudnya saya cerita-cerita ke ataupun Rabiatal tanya, saya jawab? Macam mana?

**RAH: Boleh jugak kalau puan nak terus cerita pun okay, tapi kalau puan nak saya tanya satu-satu pun okay jugak.**

RMS: Tanya satu-satu lah. Sebab apa, kadang-kadang saya dah ada *point* [isi] (pandang bawah) yang Rabiatal nak tahu, tapi saya tak - tercapak, kan?

**RAH: Okay -, baik. Faham (serentak)**

RMS: Boleh lah, satu-satu dulu.

**RAH: Okay, untuk permulaan, saya ingin mengetahui nama penuh puan, betul kan Puan Rihanun Binti Md Samin?**

RMS: Betul.

**RAH: Okay puan. Boleh saya tahu apa nama panggilan puan?**

RMS: (Bercakap dengan pihak ketiga) (ketawa bersama) *Husband* [Suami] saya lalu lalang kat belakang.

**RAH: (Ketawa) Takpe-takpe.**

RMS: Apa tu, nama panggilan saya?

**RAH: Aah. Kalau orang lain guna ke**

RMS: Kawan-kawan ke?

**RAH: Boleh jugak, kawan-kawan ke, keluarga ke.**

RMS: Kawan-kawan saya panggil saya ANUM.

**RAH: Oh, Anum. Okay.**

RMS: A-N-U-M

**RAH: Okay, baiklah. Kalau keluarga pulak?**

RMS: Keluarga pun panggil (berfikir) Anum jugak.

**RAH: Oh, sama jugak. (mengangguk) Okay, baiklah. Tapi kami panggil Puan Rihanun je lah eh.**

RMS: Boleh.

**SMS: (Mengangguk)**

**RAH: Okay, baiklah. Okay, soalan seterusnya, kami ingin mengetahui, bilakah tarikh lahir puan?**

RMS: (Tangan menggaru pipi sambil mengingat semula) Lahir pada tahun sembilan belas lima puluh dua, lapan [1952, 8] haribulan Mei.

**RAH: Lapan Mei sembilan belas lima puluh dua [8 Mei 1952]. Okay (mengangguk).**

RMS: Dah tua dah.

**RAH: (Tersenyum lebar) Tapi masih nampak cantik lagi, nampak muda lagi.**

**SMS: Nampak muda (ketawa bersama).**

RMS: \_\_ \_\_ sebab nak *interview* [temuramah] (ketawa bersama) Oh Shafiena. Okay, selamat berkenalan.

**RAH: (Ketawa)**

**SMS: Selamat berkenalan puan (tersenyum sambil menunduk).**

**RAH: Okay, baik.**

RMS: Soalan yang, lain?

**RAH: Okay baiklah, seterusnya kami ingin mengetahui di mana tempat lahir puan?**

RMS: Saya dilahirkan di Alor Setar, Kedah [Malaysia].

**RAH: Oh, dekat Kedoh sana.**

RMS: (Ketawa serentak) Orang Kedoh [Kedah] [Malaysia] ni.

**RAH: Jauhnya. Okay, seterusnya, siapakah nama ibu dan bapa puan? Boleh kami tahu?**

RMS: Mak saya nama Rakanah Binti Haji Sharif.

**RAH: Rakanah binti.**

RMS: Bapak saya nama Muhamad Samin Bin Talib.

**RAH: Okay.**

RMS: Nama depa [mereka] ni unik sikit sebab depa ni orang Indonesia.

**RAH: Oh, dua-dua lah?**

RMS: Ya, orang Indonesia yang datang Malaysia dulu-dulu [dulu-dulu] dulu lama dulu.

**RAH: Faham-faham. Okay. Aah, uniklah namanya, cantik jugak.**

RMS: Diorang ni, diorang ni orang Indonesia. Jadi kitorang [kami] (tangan menggaru hidung) anak-anak dia ni *first* [pertama] generasi yang – orang Indonesia lah. Tapi dah duduk lama kat sini. Kita dah *Malaysianites* [orang Malaysia].

**RAH: Okay, faham. Okay - seterusnya kami ingin mengetahui apakah hobi puan ketika waktu terluang? Apa yang puan selalu lakukan?**

RMS: (Berfikir) Hobi masa sekarang?

**RAH: Boleh jugak.**

RMS: Masa sekarang?

**SMS: (Mengangguk)**

**RAH: Aah.**

RMS: Okay. Saya ni orang dah pencen. *So* [jadi] hobi saya, (berfikir) nak kata hobi ke apa ke, tapi saya suka *animals* [binatang-binatang].

**RAH: Oh *animals* [binatang-binatang].**

RMS: Suka kucing, anjing, *monkey* [monyet] semua.

**RAH: Oh.**

RMS: So saya nanti bela diorang lah bagi makan, cuci-cuci tempat dia.

**RAH: Oh sama. Saya pun suka kucing jugak. Suka sebab rasa macam ada peneman.**

RMS: Suka.

**RAH: Aah**

RMS: Kan, tulah ikon saya kan kucing kan. (Mengangguk). Ikon saya kucing

**RAH: Aah, (mengangguk) betul.**

RMS: Itu namanya *Fluffy*.

**RAH: *Fluffy*. Comel.**

**SMS: Oh, *Fluffy*.**

RMS: Tapi saya - ada (berfikir) tujuh [7].

**RAH: Oh, tujuh [7].**

RMS: Dua [2] yang bulu panjang. Yang lain-lain semua tu bulu pendek. Depa *strays* [sesat]. Tapi depa datang rumah saya. Saya \_ lah.

**RAH: Oh okay. *So* [jadi], bukan ambik dari mana-mana lah? Kucing datang lah?**

RMS: Yes [ya].

**RAH: Okay. Faham-faham (mengangguk). Okay seterusnya, boleh kami tahu apakah cita-cita puan semasa kecil? Selalu kan kita ada banyak cita-cita waktu kecil (ketawa).**

RMS: Betul. Sekejap itu, sekejap ini kan.

**RAH: Betul.**

RMS: Dulu-dulu masa kecil, saya memang agaknya daripada dulu dah suka binatang kan (mengangguk). Jadi bila saya besar tu saya saya rasa nak jadi *vets* [*veterinarian*] [dokter haiwan] lah.

**RAH: Oh *veterinarian* [dokter haiwan].**

RMS: Doktor - *veterinarian* [dokter haiwan] kan.

**SMS: (Mengangguk)**

**RAH: Aah.**

RMS: Lepastu bila -, kan kita muda-muda sekejap itu, sekejap ini kan. Lepastu teringin nak jadi *pilot* [juruterbang]. (Ketawa besar) Tapi yang pastinya, apa tu, kesukaan kegemaran pada *animals* [binatang-binatang] tu tetap \_

**RAH: Tetap ada.**

RMS: *Pilot* [juruterbang] tu kiranya dah *cancel* [batal] dah (menggeleng).

**Rabiatul: (Ketawa). Faham. *Pilot* [juruterbang], doktor dulu semua rasa macam nak jadi (reaksi tangan) tu kan.**

RMS: Oh, (menggeleng) tak tahu macam mana jadi *librarian* [pustawakan].

**RAH: Tu lah, kita tak tahu apa yang jadi kan.**

RMS: Ye, pengalaman hidup tu kan. Hai Shafiena.

**SMS: Okay, saya nak tahu pasal keluarga puan. Ya– hai.**

RMS: Keluarga saya?

**SMS: Saya nak tahu pasal keluarga puan. Ya -**

RMS: Kitorang adik beradik lapan [8] orang.

SMS: Okay, di mana tem-- (serentak)

RMS: Adik beradik lapan [8] orang.

**SMS: Okay.**



RMS: Saya yang ke-lapan [8].

**SMS: Okay.**

**RAH: Oh, anak bongso.**

RMS: Ye. Tetapi dua (berfikir) masa kecilnya (menggaru hidung). Sat na [Sekejap ya]. Ada yang meninggal dua [2] (menunjukkan dua jari) *So* [jadi], jadi-- yang hidup enam [6].

**RAH: Oh, faham. Masa kecil lah.**

**SMS: Okay, saya**

RMS: Okay -

**SMS: Nak tahu di mana tempat puan dibesarkan?**

RMS: Oh, (berfikir) dibesarkan di Aloh Staq [Alor Setar] [Malaysia] lah.

**RAH: Aloh Staq [Alor Setar] [Malaysia] jugak [ketawa].**

RMS: Di Aloh Staq [Alor Setar] [Malaysia].

**RAH: Memang belajar dekat Alor Setar [Malaysia] lah? Sekolah dulu pun kat situ jugak?**

RMS: Betul -. Belajar semua di Alor Setar [Malaysia]. Bila dah habis Tingkatan Lima, masuk UiTM [Universiti Teknologi Mara]. *First* [pertama] *time* [waktu] lah sampai kat KL [Kuala Lumpur] [Malaysia].

**SMS: Oh (mengangguk).**

**RAH: Oh, okay – (mengangguk).**

RMS: (Memandang tepi sambil tersenyum).

**SMS: Okay, adakah puan tinggal bersama keluarga, sekarang?**

RMS: Sekarang ni?

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Sekarang ni, *yes* [ya] (mengangguk). Saya memang dah berkeluarga. Ada suami, ada anak. Ada cucu, dan \_\_\_ dan anjing.

**RAH: (Ketawa)**

**SMS: (Mengangguk)**

RMS: Dan *monkeys* [monyet-monyet].

**RAH: Oh.**

**SMS: Okay (ketawa).**

RMS: (Tersenyum lebar)

**RAH: Semua tu puan letak dalam *cage* [sangkar] ke? Dalam sangkar ke? Kalau macam kucing-- (serentak).**

RMS: Tak -. *No* --- [tidak] (menggeleng).

**RAH: Memang biar je lah (reaksi tangan).**

RMS: *Yes* [ya] (mengangguk), diorang [mereka] semua kucing saya dalam rumah. *They are free roaming* [Mereka boleh merayau dengan percuma]. Tidur pun dengan kitorang [kami].

**RAH: *Best* [seronok] nya kucing-kucing-- (serentak)**

RMS: [Menggeleng] *I don't believe* [saya tak percaya] [menggeleng] binatang letak dalam *cage* [sangkar]. Kesian diorang.

**RAH: Betul (mengangguk). Kalau saya, saya pun biar je. Saya tak pernah ada sangkar. Biar saje.**

RMS: Betul – (mengangguk).

**RAH: Untuk soalan seterusnya, kami akan menyentuh pula tentang pasangan dan anak puan. Boleh saya tahu, siapakah nama suami puan?**

RMS: Nama suami saya Dr. Aziz Bin Sulaiman.

**RAH: Dr. Aziz Bin Sulaiman. Kalau tak silap saya-- (serentak)**

RMS: Pastu nama anak?

**RAH: Betul (ketawa). Nanti dulu. Berapa umur suami puan?**

RMS: Sekarang? Dia tujuh puluh satu [71].

**RAH: Tujuh puluh satu [71]. (Berfikir). Beza dengan puan tiga [3] tahun la kan?**

RMS: Betul (mengangguk)

**RAH: Okay.**

RMS: (Ketawa).

**RAH: Okay, lepastu boleh saya tahu bilakah puan berkahwin? Tahun berapa dan masa tu umur puan, umur puan berapa?**

RMS: (Berfikir). Tahun– tujuh puluh sembilan [79].

**RAH: Sembilan belas tujuh puluh sembilan [1979].**

RMS: Tujuh puluh sembilan, masa tu umur saya (berfikir) dua puluh tujuh [27].

**RAH: Oh. Dua puluh tujuh [27] (mengangguk)**

RMS: Oh. Rabiatal umur berapa?

**RAH: Dua puluh dua [22]. Kami dua puluh dua [22].**

RMS: Adoi hai, (ketawa). Elok dah kahwin.

**RAH & SMS: (Ketawa)**

**RAH: Lambat lagi.**

**SMS: (Menggeleng) Lambat lagi.**

**RAH: Okay -. Untuk soalan seterusnya, kami nak puan ceritakan sedikit macam mana puan boleh berjumpa dengan suami puan?**

RMS: (Teruja) Cerita ye? Cerita nya - panjang.

**RAH & SMS: (Ketawa)**

RMS: Masa– muda-muda dulu, kitorang ni kira orang muda lah kan?

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: Jadi bila kawan-kawan ajak pergi *birthday party* [parti hari lahir]. Ada kawan tu, dia buat *birthday party* [parti hari lahir]. Jadi dia jemput saya, saya pun pergi. Pastu, suami saya pun dijemput. Jumpa kat situ lah. Parti-parti, *dancing-dancing* [menari-menari], makan-makan, minum-minum. Pastu [lepastu],

daripada situ kitorang terus berkawan lah. Saya berkawan dengan dia sepuluh [10] tahun lebih, baru kahwin.

**RAH: Oh, lama jugak. Sepuluh [10] tahun. (Ketawa)**

**SMS: (Mengangguk sambil tersenyum) Wah, ye.**

RMS: Sebab – (berfikir). Dia lebih tua daripada saya. Dia kerja. Lepas kerja tu, dia melanjutkan pelajaran kat universti.

**RAH: (Mengangguk) Oh.**

RMS: Jadi kitorang sambung apa orang kata tu, persahabatan tu melalui surat lah.

**RAH: Oh, unik (teruja).**

RMS: Lepastu, lepas dia balik, dia *graduate* [siswazah], baru kitorang kahwin. Sebab mak bapak saya kata, kena kerja dulu baru boleh kahwin.

**RAH: (Mengangguk) Betul tu.**

RMS: Kan.

**RAH: Kena ada duit dulu (ketawa).**

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Betul-- (serentak).

**RAH: Tapi kira lambat jugak lah kan, puan berkahwin?**

RMS: Aah.

**RAH: Sebab selalunya kan. Aah, macam orang dulu kan (serentak).**

RMS: Aah.

**RAH: Macam mak saya pun kahwin awal jugak. Tapi, *still* [masih] okay lah.**

RMS: Aah. Ada, dia macam ada satu *trend* [tren] (berfikir). Ada masa-masa dulu, ramai yang kahwin muda.

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

RMS: Ada yang kahwin belasan tahun, macam ada kawan saya sekolah, dekat lepas Tingkatan Lima [5], terus kahwin. Lepastu - *trend* [tren] dia dah berubah sikit. Orang agak lewat sikit. Sekarang ni dah cepat balik.

**RAH: (Ketawa).**

RMS: Orang dah kahwin muda sekarang, kan?

**SMS: (Mengangguk).**

**RAH: Aah. Berubah-ubah.**

RMS: Jadi, dia balik pada \_ lah.

**RAH: Tahu takpe. Okay -. So [jadi], puan berjumpa suami puan dekat parti, dekat ni lah kan, majlis lah kan?**

RMS: (Mengangguk). Masa tu saya masih sekolah lagi tu. tingkatan berapa eh.

**RAH: Oh.**

RMS: Lepastu kita ada macam (berfikir) *speech day* [hari ucapan] apa. Hari ucapan kan?

**RAH: Aah (mengangguk).**

RMS: Dia datang dengan kawan-kawan dia. Macam tu lah. Kira *Form Five* [5] [Tingkatan Lima [5]] macam tu dah ada *boyfriend* [teman lelaki] dah. (Ketawa bersama).

**RAH: Takpe. Akhirnya kahwin jugak kan.**

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Iyelah, jodoh eh.

**RAH: Betul (Mengangguk). Okay baiklah, seterusnya Fiena akan sambung pula (tersengih).**

RMS: Okay.

**SMS: Okay, saya akan tanya, berapa bilangan anak puan?**

RMS: Oh -, anak saya. Saya tak ramai anak. Hanya ada satu saje. Satu je, perempuan. Okay, anak saya sorang je.

**SMS: Okay.**

RMS: Nama dia Siti Sarah Aziz.

**RAH: Siti Sarah Aziz.**

RMS: Siti Sarah Aziz.

**SMS: (Mengangguk) Wah, sedap nama dia.**

RMS: Tu lah.

**SMS: Okay. Berapa umur anak puan?**

RMS: Sekarang (berfikir) anak saya tiga puluh [30].

**SMS: Berapa-- (serentak).**

RMS: Tiga [3]. Tiga puluh dua [32].

**RAH: Tiga puluh dua [32].**

RMS: Umurnya tiga puluh dua [32]. Aah, sepuluh-- [10] tahun tua daripada Rabiatul.

**RAH: (Ketawa) Oh aah la, baru perasan. Aah, betul.**

RMS: Cucu, baru [berfikir] dua [2].

**RAH: Dua [2].**

**SMS: Oh, cucu dua [2]. Oh.**

RMS: Cucu saya dua [2] orang. Dua-dua perempuan.

**RAH: Perempuan jugak.**

RMS: Dalam rumah ni semua perempuan. Yang lelaki, hanya suami saya seorang (ketawa besar).

**RAH: Takde geng [kumpulan] la dia (ketawa).**

RMS: (Ketawa) Takde geng [kumpulan].

**RMS & SMS: (Tersenyum)**

**RAH: Okay.**

**SMS: Seterusnya, pada Rabiatul.**

**RAH: Okay. Cucu tadi dah masuk kan. Cucu pulak, umur cucu puan berapa?**

RMS: Yang pertama tu dua [2] tahun lebih.

**RAH: (Mengangguk). Oh, dua [2] tahun.**

RMS: Yang keduanya, baru nak masuk dua [2] bulan.

**RAH: Dua [2] bulan. Oh, baru lahir la ni.**

RMS: Ye. Itu lah sebok haritu, sebab dia dalam pantang. Jadi tok mami [nenek] dia sebok [sibuk] lah.

**SMS: Oh. (Mengangguk)**

**RAH: Pantang dekat rumah puan la kan?**

RMS: Yang *first one* [pertama kali] tu kat rumah saya. *Second one* [kali kedua] tu dia ada pengalaman dah. *So*, [jadi] dia-- [serentak].

**RAH: Buat sendiri.**

RMS: Pantang kat rumah dia *and then* [dan seterusnya] ada *confinement lady* [wanita urus pantang] datang *time* [masa] tu.

**RAH: Okay, faham. Okay, untuk seterusnya kita akan masuk tentang sejarah pendidikan. Okay, kita sambung pula dekat Shafiena (tersenyum).**

RMS: (Membetulkan cermin mata) okay.

**SMS: Okay. Boleh puan ceritakan sedikit tentang pendidikan ketika puan masih kecil?**

RMS: Okay. Saya masa darjah, sebelum cukup umur lagi, saya dah pergi sekolah sebab kakak saya yang sulung, dia ni cikgu. Jadi saya ikut dia pergi sekolah macam tu. Jadi kalau nak kira, saya mula-mula sekolah, ikut - ye. Belum lagi darjah satu [1] di Sekolah Rendah Kebangsaan Kanchot di Alor Setar lah [Malaysia]. Lepastu, kitorang pindah rumah, saya sambung belajar di Sekolah Kebang, Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Korok Lama [Malaysia]. *Also* [juga] di Alor Setar [Malaysia]. *And then* [dan seterusnya] daripada situ kitorang ambik Peperiksaan *Special Malay* [Bahasa Melayu Istimewa]. Tahun akhir kerajaan ambik pendidikan ambik pelajar daripada darjah tiga [3]. *So* [jadi], darjah tiga [3] saya ambik peperiksaan khas untuk *Special Malay*

[Bahasa Melayu Istimewa]. Di Sekolah– Rendah Sungai Korok Lama tadi [Malaysia]. *And then* [dan seterusnya], sambung ke Sekolah \_ Convent Alor Setar [Malaysia]. Itu, masa tu (berfikir) [gangguan bunyi kertas] dia *Special Malay one* [1] [Bahasa Melayu Istimewa satu [1]] dia kata, satu [1] tahun. Lepastu *Special Malay two* [2] [Bahasa Melayu Istimewa dua [2]] [gangguan bunyi kertas]. Lepastu baru *Form One* [1] [Tingkatan Satu [1]]. *Form One* [1] [Tingkatan Satu [1]] ke \_\_ macam tu lah. *So*, [jadi] jadi tu yang sekolah – apa tu, sekolah rendah, lepastu di Sekolah \_ Convent sampai Tingkatan Lima [5].

**RAH: Tingkatan Lima [5].**

RMS: Kan.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Tingkatan Lima [5]. Lepastu ambik peperiksaan *Senior Cambridge* masa tu. *Senior Cambridge* masa tu takde \_ lagi. Takde SPM [Sijil Peperiksaan Malaysia]. *So* [jadi], *Senior Cambridge* tahun enam puluh sembilan [69]. Keputusan saya tak berapa cantik. *So*, [jadi] saya sambung lagi satu [1] tahun. Di Sekolah Menengah Jitra [Malaysia]. Okay, satu [1] tahun. [Gangguan bunyi komputer berpanjangan]. Lepastu dapat keputusan yang lebih cantik sikit. Saya masuk Tingkatan Enam [6]. Di Sekolah Menengah Sultanah Asma [Malaysia]. Semuanya kat Alor Setar [Malaysia] eh. Tu lah. Daripada Jalan Othman [Malaysia] tu baru masuk UiTM [Universiti Teknologi Mara].

**RAH: Oh, faham. Banyak tukar-tukar sekolah dulu.**

RMS: Betul. Mula-mula yang pergi main-main je.

**RAH: (Ketawa)**

RMS: Ikut kakak kan. Lepastu baru pergi \_\_ \_\_.

**RAH: (Ketawa sambil mengangguk)**

**SMS: Macam mana dia peperiksaan tu dinilai masa sekolah dulu? Macam dia ikut gred A, B, C ke macam ataupun satu [1], dua [2], tiga [3] ke?**

RMS: Masa sekolah rendah?

**SMS: (Mengangguk) Aah. Ikut lah (serentak)**



RMS: Sekolah rendah tak perasan sama ada, ada peperiksaan ke tidak. Tapi macam kita daripada darjah satu [1], terus darjah dua [2] darjah tiga [3] macam tu. Tapi masa darjah tiga [3], kementerian kata dia nak bagi peluang tahun tu untuk budak darjah tiga [3]. So [jadi], kita ada peperiksaan khas la. Saya (menggeling) pun tak ingat macam mana peperiksaan tu. Cikgu kata buat, buat. Tup-tup [tiba-tiba] *pass* [lulus]. Jadi cikgu kata pergi sekolah \_ tu. Kita masa tu ikut cikgu cakap kan.

**SMS: (Mengangguk). Okay, saya nak tahu pencapaian puan semasa di peringkat sekolah.**

RMS: Peringkat sekolah? (Serentak).

**SMS: Dalam bidang sukan ke, pelajaran ke.**

RMS: (Mencebik) (Menggeling) Tak minat sukan.

**RAH & RMS: (Ketawa)**

RMS: Saya tak berapa minat sukan. Takde lah. Orang kata, orang kalau ada apa tu, dia apa orang kata? Sesi jasmani, saya ikut lah. Tapi kan orang main-main aje. Tapi nak kata ambik bahagian dalam sukan tu takdelah. Masa sekolah rendah, takde. Sekolah menengah pun takde. Tapi saya lebih aktif pada kokurikulum macam Persatuan Sejarah, Persatuan Muzik.

**RAH: Oh (mengangguk). Faham.**

**SMS: Kalau macam dari segi akademik?**

RMS: Maksud Shafiena?

**SMS: Macam dalam sukan kan, dia macam sukan peringkat sekolah, peringkat kebangsaan. Kalau dari segi akademik, apa-apa yang puan sertai sampai peringkat sekolah? Eh, daripada peringkat sekolah.**

RMS: Akademik?

**SMS: (Mengangguk)**

RMS: Oh takdelah. Bila *you* [awak] darjah - sekolah rendah, dia tak ada apa-apa. Apa orang kata (berfikir), kokurikulum ataupun pencapaian akademik yang macam mana. Tapi kalau macam sekolah menengah, (berfikir) akademik apa ye? Rasa

(menggeleng) takde kot. Maksudnya masuk-- pertandingan tu maksudnya, maksud Shafiena sape?

**SMS: Ye, puan?**

RMS: Maksud Shafiena sapa dia? Pencapaian akademik. Maksudnya apa?

**SMS: (Berfikir) Apa-apa yang puan sertai dalam macam. Apa-apa je dalam bidang akademik. Macam pidato ke, perbahasan ke, apa-apa lah.**

RMS: Takde – (menggeleng). Semua tak. Tapi saya lebih kepada \_ \_ \_ \_ \_ koir. Tapi kalau dalam akademik, maksudnya macam berpidato apa tu, takde (menggeleng).

**RAH: Okay -, baiklah. Seperti yang puan cakap, puan kan lebih minat kepada muzik-- (serentak).**

**SMS: (Mengangguk) Baik, puan.**

**RAH: Muzik, sejarah macam tu. Adakah puan pernah mewakili sekolah dalam pertandingan yang berkenaan dengan muzik atau sejarah ke, koir ke?**

RMS: (Berfikir) Oh, koir ada. Satu [1] kita ade, apa orang kata. Jadi koir sekolah lah, satu [1]. Lepastu kita ada pertandingan antara negeri, tapi tahun tu semua saya tak ingat lah kan. Lepastu kita, kumpulan koir kami mewakili negeri Kedah [Malaysia] masa tu dia datang kat datang kat KL [Kuala Lumpur] [Malaysia]. Tapi tak menang apa-apa. \_.

**RAH: Tapi ada pengalaman la kan untuk berkoir kat tempat lain.**

**SMS: Koir, ada pengalaman.**

RMS: (Tersenyum) Suka menyanyi, suka (serentak).

**SMS: Okay seterusnya, Rabiatul.**

**RAH: Okay.**

RMS: Ya.

**RAH: Tadi kan puan cakap, puan melanjutkan pelajaran lepas tamat sekolah tu, puan terus masuk UiTM [Universiti Teknologi Mara] kan?**

RMS: *Yes* [ya].

**RAH: Okay, masa tu puan umur berapa ye?**

**SMS: ITM [Institut Teknologi Mara kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara]**

**RAH: Ha, ITM.**

RMS: Tujuh [7], tahun tujuh puluh [70] umur berapa eh?

**RAH: (Berpikir sambil ketawa)**

**SMS: (Tersenyum)**

RMS: Tujuh puluh [70]. Eh jap – tahun enam puluh sembilan [69], (berfikir) *Senior Cambridge*. Tujuh puluh [70] saya masuk Sekolah Menengah Jitra [Malaysia]. Lepastu tujuh puluh satu [72], tujuh puluh dua [72], Tingkatan Enam [6]. *So [jadi]* lepastu lah tingkatan enam [6], dua [2] tahun kan?

**RAH: Aah (mengangguk). Tahun sembilan belas tujuh puluh tiga [1973] ke cane? Ke bukan?**

RMS: Tujuh puluh dua [72]–. Dia macam masuk bulan September [9], macam tu kan (menggaru) (serentak).

**RAH: Okay -. Okay seterusnya, kami ingin mengetahui apakah kursus-kursus professional lain yang puan pernah pernah ikuti?**

RMS: Selain daripada diploma, eh?

**RAH: Boleh jugak (serentak).**

RMS: Ye?

**RAH: Kalau masa diploma pun boleh.**

RMS: (Membetulkan kamera) Alamak, tertutup pulak. (Melihat kertas). Masa diploma [gangguan bunyi kertas]. *Of course* [semestinya] lah. Lepas diploma tu, saya terus kerja kan.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Bila dah kerja tu, kita ada banyak lah kursus-kursus yang kita ikuti. Yang *boss* [ketua] hantar, yang kita sendiri pilih nak pergi. *So [jadi]*, ada banyak kursus

lah. Tapi *more of like* [lebih kepada] apa – *Human – Resource* [Sumber Manusia], *maintenance* [penyelenggaraan], *\_and then* [dan seterusnya] yang berkaitan dengan kerja. Banyak lah. Saya bukak fail ni. Semalam pergi korek [cungkil/cari] fail nak tengok, sebab apa dah tahu

**RAH: (Ketawa)**

**SMS: (Tersenyum)**

RMS: *You all* [awak semua] nak tanya soalan-soalan. Tapi banyak lah. Tapi *more of like* [lebih kepada] kerja-kerja punya, berkaitan dengan kerja. Macam *ISO [International Organization for Standardization]* [Organisasi Antarabangsa untuk Penyeragaman]. Macam mana nak apa tu, kursus induksi nak – *because* [sebab] saya masa masuk u – apa tu, Perpustakaan Negara, [Malaysia] ada masa yang saya ditetapkan di bahagian latihan. So, kita ada kursus induksi, macam-macam lah. Banyak tu (mengangguk).

**RAH: Banyak-banyak (tersenyum).**

RMS: Rasanya tak perlu ni kan, sebab banyak sangat (serentak).

**RAH: Aah, okay-. Betul-betul, takpe (serentak).**

RMS: Okay lah (serentak).

**RAH: Kami dah dapat info sikit pun dah okay tu.**

RMS: Okay.

**RAH: Okay, seterusnya sambung kepada Shafiena.**

RMS: *Alright* [baiklah].

**SMS: Okay, Saya nak tanya, pada pendapat puan, apakah yang dimaksudkan dengan Sains Perpustakaan? (Kini dipanggil Pengurusan Maklumat)**

RMS: Okay, saya nak tanya-- (serentak).

**SMS: Yang puan tahu-- (serentak).**

RMS: Nak tahu dulu, apa yang Shafiena faham dengan Sains Perpustakaan? Sebelum saya jawab, saya tanya Shafiena.

**SMS: (Mengangguk)** Saya rasa Sains Perpustakaan ni pada zaman dulu lah, sebelum UiTM ditubuhkan, saya rasa dia satu kursus yang ada apa tu [gangguan bunyi loceng rumah] macam ALA [American Library Association] macam kitorang [kami] takde sekarang. Lepastu, dia punya-- (serentak).

RMS: Tak, itu --- bukan maksud saya. Saya tanya pendapat Shafiena, apa yang Shafiena faham dengan kursus Sains Perpustakaan. Kenapa dia dipanggil sains, bukan seni perpustakaan? Itu soalan saya masa saya ada apa eh (berfikir) sesi suai kenal, kita ditanya kenapa dipanggil Sains Perpustakaan? Bukan sains, eh bukan kajian apa ni-- (serentak).

**SMS: Sains?**

RMS: Aah, kenapa sains? Ha tu, jadi saya jawab ya. Kalau macam Shafiena cakap tu tak betul. Dia jadi sains tu sebab benda yang kita buat tu ada tertentunya, caranya, ada apa tu, prosedurnya. Dia kait tu, kait ni. Dia bukan seni, seni perpustakaan yang macam boleh buat suka hati macam tu, kan?

**SMS: (Mengangguk)**

RMS: Dia mesti ada dia punya sistem dia. Itu yang jadi Sains Perpustakaan. Okay?

**SMS: Okay, puan.**

RMS: Yang ALA tu lain cerita. ALA [American Library Association] tu *is* [ialah] kursus *Library Sains* [Sains Perpustakaan] yang pada, sebelum diploma, diorang ada ALA. *So* [jadi], ALA. Tapi depa [mereka] buat di UI-- ITM lah masa tu. Buat di ITM, tapi peperiksaannya apa semua tu *is* [ialah] daripada UK [United Kingdom] [England] lah kan?

**SMS: [Mengangguk]. Okay, saya nak tanya pendapat puan, tentang tanggungjawab dengan peranan perpustakaan.**

RMS: Sekarang? Tanggungjawab sekarang ke dulu?

**SMS: Dulu boleh, sekarang pun boleh (mengangguk). Ikut puan lah.**

RMS: (Ketawa). Okay pada masa dulu, Sains Perpustakaan ni kurang, apa orang kata [gangguan bunyi tetikus] di kenali \_ oleh ramai orang lah. Diorang [mereka]

lebih memikirkan Sains Perpustakaan tu, yang kerja dekat situ, orang yang macam, yang kerja dia bagi pinjam meminjam je, macam tu kan?

**SMS & RAH: (Mengangguk)**

RMS: Tapi saya rasa, peranan orang yang bekerja di perpustakaan lebih pada itu. Sebab apa, bila *part of* [sebahagian] kita punya tugas *is* [ialah] kita membeli bahan-bahan, mendapat perolehan, bahan-bahan yang nak diletak di perpustakaan. Jadi itu satu tanggungjawab, bukan setakat nak beli – nak belanja je. Tanggungjawabnya *is* [ialah] kita kena pilih bahan yang kita nak beli tu untuk disesuaikan dengan tempat kita bekerja. Jadi kita sebenarnya menyumbang kepada membina minda. Minda orang, atau pun masyarakat [gangguan bunyi tetikus] tempat kita bekerja. Kalau kita ada banyak jenis-jenis perpustakaan kan?

**SMS & RAH: (Mengangguk).**

RMS: Perpustakaan khusus, *special library* [perpustakaan khas], perpustakaan awam, perpustakaan akademik, kan?

**SMS: (Mengangguk).**

**RAH: (Mengangguk). Betul.**

RMS: Jadi dia punya, orang kata *client* [pelanggan] nya berbeza la. Kalau *public*, [awam] *then you* [seterusya awak] kena beli bahan, *you* [kena] sediakan bahan yang sesuai dengan kepelbagaian masyarakat yang dinamakan *public* [awam] tu. Kan. *So you* [jadi awak] tu satu tanggungjawab. *You* [awak] tak *simply go* [pergi sahaja] pergi ke kedai ambik --- \_\_\_ \_\_\_ masyarakat, kalau *public library* [perpustakaan awam] tempat *you* [awak] kerja ni, apa yang, siapakah yang ramai masyarakat? Adakah *student* [pelajar]? Adakah bangsa Cina? Bangsa Melayu? *So you* [Jadi awak] kena ikut tu. *So* [jadi], peranan perpustakaan lah untuk menyesuaikan, sebab kita, bila kita beli bahan tu, bahan itu akan diguna, dibaca oleh orang yang jadi *client* [pelanggan] kita. Dan itu yang me-- orang kata apa, membuka minda dia. *So* [jadi], kalau *public library* [perpustakaan awam] macam tu, *special library* [perpustakaan khas] macam tu jugak. Tapi *different client* [berbeza pelanggan]. Adakah saya menjawab soalan?

**SMS: Ya, puan. (Mengangguk).**

RMS: (Ketawa) Okay lagi?

**SMS: Saya nak tanya, apa pandangan puan tentang perbezaan masa dulu dan masa kini?**

RMS: Perbezaan perpustakaan ke? Ke perpus-- perbezaan kursus ke? Yang mana satu?

**SMS: Ya-, perbezaan \_.**

RMS: Perbezaan kursus?

**SMS: Perbezaan perpustakaan.**

RMS: Oh (serentak).

**SMS: Bukan (menggeleng). Perpustakaan.**

RMS: Perpustakaan dulu *of course* [semestinya] lah-- (serentak).

**SMS: Perbezaan perpustakaan-- (serentak).**

RMS: Perpustakaan dulu *of course* [semestinya] lah tak ada orang kata apa yang komputer-komputer, yang canggih-canggih. Dulu kita masih lagi guna apa, kad katalog, kita boleh masih lagi buat *cataloging* [pengkatalogan] *and then* [dan seterusnya] kalau nak cari apa tu, subjek, kena pakai apa, *skills Subject Heading List* yang bukan main tebal tu, ber *volume-volume* [berjilid-jilid]. Aduh se-- (menggeleng) cara lama lah kan. *And then* [dan seterusnya], dia punya perkhidmatan pun terhad macam pinjam meminjam, buat rujukan. Tapi, (berfikir) pada masa saya mulakan kerjaya dulu dekat Perpustakaan Awam Melaka. Mula-mula dekat perpustakaan-- khusus *UMNO [United Malays National Organisation]* [Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu]. UMNO Malaysia. Masa tu, orang politik lah dia punya *client* [pelanggan] dia, kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Lepastu saya pergi Perpustakaan Awam Melaka [Malaysia], yang itu dia punya itu perpustakaananya \_\_\_ kita banyak buat pinjam meminjam \_ *and then* [dan seterusnya] kita ada koleksi khas USM [Universiti Sains Malaysia] [Malaysia], dia letak dekat situ. *So*, [jadi] untuk orang yang mengikuti pengajian universiti Dia dah \_ kat situ. Lepastu kita, saya lah, kita pergi ke sekolah-sekolah.

[Gangguan bunyi] Pergi bagi apa tu, ceramah, [gangguan bunyi] pengenalan kepada perpustakaan, peruntukan perkhidmatan, *and then* [dan seterusnya] [gangguan bunyi tetikus] berkenaan jugak dengan kerjaya kalau dinamakan \_\_ \_\_. Perpustakaan masa dulu terhad kepada benda-benda yang \_\_\_\_. Semua yang kita buat adalah manual (ketawa).

**SMS: (Mengangguk). Betul-betul. Okay, saya pada Rabiatul.**

**RAH: Okay, baiklah puan. Seterusnya saya nak bertanya pulak tentang ITM. Apakah yang puan tahu serba sedikit tentang ITM pada mula dia ditubuhkan. Ataupun pada masa sekarang? Apa yang ITM tawarkan ke, mengikut pengetahuan puan.**

RMS: Ini berkaitan dengan Sains Perpustakaan ke ataupun *general* [umum]?

**RAH: *General* [umum].**

RMS: Okay. Kalau dulu-dulu-- (serentak)

**SMS: *General* [umum]-- (serentak).**

RMS: Dulu-dulu ITM [Malaysia] tu kiranya (berfikir) orang kata apa, bukan *first choice* [pilihan pertama] lah, kan? Kalau macam *student* [pelajar] yang masuk kat situ, kan kita lebih kepada bumiputera kan, takde bangsa asing kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Itu peluang untuk pelajar-pelajar yang tak dapat masuk universiti ataupun yang tak dapat kelulusan yang cemerlang. Diorang kira *second choice* [pilihan kedua] tu *it is* [ialah] ITM [Malaysia] lah. Dia bukan (menggeleng) *first choice* [pilihan pertama] tau. Yang mana pergi universiti tu pergi lah. Tapi yang mana yang lebih-lebih tu diorang masuk UiTM [Malaysia], ITM [Malaysia] masa tu. *So* [jadi], itu beza dia lah. Tapi sekarang ni ITM [Malaysia] dah jadi, orang kata apa rebutan, *or* [atau] yang masuk tu bukan lagi yang macam apa tu- dapat apa tu- pencapaian yang tak berapa baik. Semua yang lebih baik, cemerlang. Tinggal lagi tak masuk unviersiti saje ataupun pilihan mereka untuk mengikuti kursus yang ada di UiTM [Malaysia] kan?

**RAH: (Mengangguk). Betul-betul. Lagipun-- (serentak).**



RMS: Lagi pulak, lagi satu, ha lagi satu (memandang atas sambil berfikir) ITM [Malaysia] dulu-dulu *of course* [semestinya] lah da- dari segi bangunan, kemudahan, makan minum, pensyarah ada banyak beza lah, kan?

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: Macam dulu pensyarah tak ada sangat yang ada *PhD [Doctor of Philosophy]* [Doktor Falsafah]. Sekarang UiTM dah ramai pensyarah-pensyarah yang berkelayakan yang *\_PhD [Doctor of Philosophy]*. Dulu jarang, kan?

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: Macam bilangan pun, *of course* [semestinya] lah, sekarang dah ramai. Dulu-dulu tak ramai, kenal semua *lecturer* [pensyarah] kan. Tu lah yang paling ketara saya rasa, *of course* [semestinya] lah kursus-kursus yang di-ditawarkan pun dah banyak, ada pelbagai kan. Dulu terhad.

**SMS: (Mengangguk)**

**RAH: (Mengangguk). Betul. Boleh ke saya tahu, kalau yang puan i-- puan ingat lah, kursus-kursus apa lagi yang ditawarkan masa puan mula-mula masuk dulu?**

RMS: Okay, masa saya masuk dulu, kita orang – ni kan kelulusan *HSC [Higher School Certificate]* [Sijil Tinggi Persekolahan]. Sebab ada dua [2] kursus yang kemasukannya diperlukan *HSC [Higher School Certificate]* [Sijil Tinggi Persekolahan]. Satu [1] is *Mass Communication* [Komunikasi Massa], satu [1] lagi *Library Science* [Sains Perpustakaan]. Yang lain-lain tu SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] lah, kan?

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: Kursus yang saya tahu, *of course* [semestinya] yang *HSC [Higher School Certificate]* [Sijil Tinggi Persekolahan], *Masscom [Mass Communication]* [Komunikasi Massa] dengan *Library Science* [Sains Perpustakaan]. Yang, kursus yang lain tu, yang kemasukan dia SPM atau \_ macam perhutanan, bio - apa, biologi? Apa lagi, sains- apa eh, semua-semua lah. Perhutanan, Sains Mikrobiologi - sebab ada ramai yang duduk dengan kawan kita ramai mikrobiologi. Sains pema--, di- diet pemakanan. *I- don't know* [saya tak ingat] tak ingat dah nama-nama dia. Tapi banyak-banyak sains lah.

**RAH: (Mengangguk). Okay-okay, faham.**

RMS: Yang *art and* [seni dan]– (menggeleng). *Fine Art* [Seni Halus] tu banyak lah (ketawa).

**RAH: Banyak jugak lah. (Serentak).**

RMS: Okay (tersenyum).

**RAH: Sekarang pun lagi banyak kan kursus yang ditawarkan dekat ITM (mengangguk).**

RMS: Betul. Dia punya bangunan pun sekarang dah banyak (serentak) Dah--,

**RAH: Betul.**

RMS: Dah besar-besar sekarang, dan bukan setakat di Shah Alam [Malaysia] saja. Dah ada di cawangan-cawangan kan?

**RAH: Ya, betul (serentak).**

RMS: Masa dulu semua, masa saya mula-mula masuk, kitorang duduk di ho- hostel Seksyen 17 [Malaysia]. Lepastu naik bas, pergi belajar di Jalan Othman [Malaysia]. Lepastu baru tukar bila kampus di Shah Alam [Malaysia] dah siap, baru kitorang pindah ke Shah Alam [Malaysia]. Itu saja lah yang ada, tapi sekarang cawangan dah banyak UiTM [Malaysia] kan?

**RAH: (Mengangguk). Betul-betul. Sekarang cawangan – macam dekat setiap negeri pun dah ada kampus UiTM [Malaysia].**

RMS: Betul (mengangguk). Ya.

**RAH: Okay, tadi kan puan ada cakap yang puan -- untuk pergi UiTM [Malaysia] kena naik bas, kan daripada hostel dekat Seksyen 17 [Malaysia].**

RMS: (Mengangguk)

**RAH: Kalau bas tu disediakan oleh UiTM [Malaysia] ke?**

RMS: (Mengangguk). Disediakan. Tapi bas tak banyak dan bas tu pun, dia punya kekerapan dia pun tak kerap. Jadi (ketawa besar) ceritanya selalu depa [mereka] *rush* [tergesa-gesa] tau.

**RAH: (Ketawa)**

RMS: Tak beratur langsung, *rush* [tergesa-gesa]. Ya Allah, orang kata kenapa lah--.  
Sebab apa, diorang takut kalau tak dapat naik, tak dapat tempat duduk ataupun *miss class* [terlepas kelas] tau. Bas tu tak da -- tak disediakan dengan kekerapan yang ni --. *So*, [jadi] kitorang berebut lah. *Not very nice side* [sisi yang tidak baik] lah, macam tu kan?

**RAH: (Mengangguk). Betul-betul.**

RMS: (Ketawa)

**RAH: Okay -. Untuk soalan seterusnya, saya nak tanya (reaksi tangan). Puan mula-mula masuk dekat ITM ni sebab apa? Sebab minat ke atau bukan? Ke sebab ini yang \_ (serentak).**

RMS: Ha itu lah. Nak ceritakan -, sebab kita ni kan, kan saya kata mula-mula kan, kita ni ada *HSC [Higher School Certificate]* [Sijil Tinggi Persekolahan], tak dapat masuk universiti. Jadi kita rasa (berfikir) apa tu, rugi lah. Kalau macam *HSC [Higher School Certificate]* [Sijil Tinggi Persekolahan] kita tu tak digunakan kan?

**SMS & RAH: (Mengangguk)**

RMS: Kita masuk *Library Science* [Sains Perpustakaan]. Sebab kemasukan dalam kursus *Library Science* [Sains Perpustakaan], mesti melalui --, dengan *HSC [Higher School Certificate]* [Sijil Tinggi Persekolahan]. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia kan? *So* [jadi], pada masa tu bukan minat sangat. Sebab masa tu nak gunakan semaksima yang boleh, kelulusan yang ada. Sebab tak boleh masuk universiti (ketawa).

**RAH: (Mengangguk). Okay-okay faham. Untuk soalan seterusnya, saya akan bagi kepada Shafiena pula.**

**SMS: Okay, saya nak tanya bagaimana sesi pembelajaran puan, dari segi bangunan dan kemudahan di universiti, ketika itu?**

RMS: Saya masuk UiTM [Malaysia] tahun berapa eh? Tujuh puluh dua [72] (melihat kertas) kot. Tujuh puluh [72] macam tu. Masa tu (sedang mengingat) penginapan kitorang di flat. Rumah pangsa yang disewa oleh UiT -, ITM masa tu di Seksyen 17 [Malaysia]. Itu untuk yang pelajar wanita (mengangguk). Ada

jugak pelajar wanita yang ditempatkan di Petaling Jaya [Malaysia]. Ada juga yang lelaki ditempatkan di flat [gangguan bunyi burung], PKNS [Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor] Shah Alam [Malaysia], ha lelaki. *So* [jadi], kita punya, kita yang --, saya boleh ceritakan yang saya punya, apa tu, asrama lah ye (berfikir). Flat, bukan flat, apartment lah. Bukan flat, yang berapa tingkat eh. Tujuh [7] tingkat macam tu. Ada lif. Lepastu dalam tu disediakan macam apa, disediakan *double decker* [katil dua tingkat] kan.

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: *Double decker* [dua tingkat] tu dan macam tepi *double decker* [katil dua tingkat] tu ada lah almari \_ untuk kita letak barang-barang kita. Masa saya masuk dulu tu, lepas dah *register* [daftar] (berfikir) apa semua tu kitorang dikatakan boleh pergi ke apa tu – Seksyen 17 [Malaysia]. Apa tu asrama *dorm* [bilik asrama] kat situ. Tapi yang ada kat situ, katil saje. Tilam tak ada, bantal pun kitorang bawa sendiri. *So* [jadi], ada kawan saya daripada Singapura [Singapura], dia (mengingat dalam masa yang lama) apa tu [gangguan bunyi kertas], tak tahu macam mana ye, dia- takde katil, tu saya panggil dia. Saya duduk tingkat *double decker* [kati; dua tingkat] kan, dia duduk di bawah. Katilnya kitorang kena pergi cari dekat tempat yang lain. Lepastu malam-malam angkut, (gangguan bunyi kertas) bawa pergi (tersengih).

**RAH: (Tersenyum)**

RMS: Apa, gunakan *time* [masa] tu. *So* [jadi], dia tak ada orang kata, disediakan selengkapnya lah. Tapi pandai-pandai sendiri je. Lepastu pun, macam yang *senior-senior* [lebih tua] tu diorang nanti macam main pondok-pondok tau.

**RAH: (Reaksi terkejut).**

RMS: Letakkan langsir, apa semua tu, buat macam \_ \_ . *Because it's a dorm* [kerana ianya adalah bilik asrama] takde apa kan?

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: Yang lain semua *double decker* [katil dua tingkat]. *So*, [jadi] diorang nak *privacy* [privasi], nak eksklusif sikit sebab dia *senior* [lebih tua]. *S*, [jadi], dia buat lah macam langsir, jadi penghadang \_ macam satu bilik kat dia. Tu- yang

pengalaman saya di Seksyen 17 [Malaysia]. Lepastu (berfikir panjang) makan kitorang pergi makan dekat Jalan Othman [Malaysia]. Bila naik bas, pergi Jalan Othman [Malaysia], ikuti kelas lepastu makan dekat situ. Makan macam tu, makan roti tau. Roti (sedang mengingat) cicah macam-macam lah. Kadang-kadang cicah dengan masak kicap. Tapi satu pengalaman saya, (berfikir) sampai sekarang saya tak boleh makan kambing. Sebab kambingnya masak kicap tongkol besar-besar, lepastu bau (membuat reaksi muka tidak suka) kambing betul-betul. Saya tak boleh makan (menggeleng). Sampai sekarang saya tak suka kambing.

**RAH & SMS: (Ketawa)**

RMS: Itu – (ketawa) kemudahan, kalau nak katakan lah. Makan disediakan. Tapi tu lah. *And then*, [dan seterusnya], kita tak boleh ambil sendiri. [Gangguan bunyi kucing]. Ada orang yang kan- kantin kan. Dia nanti cedokkan [ambilkan] untuk kita lah. \_\_\_. Ada ke itu menjawab soalan, ada lagi ke saya belum *touch* [sentuh]? [Gangguan bunyi kucing].

**SMS: (Memandang bawah) Okay saya, nak tanya puan-- (serentak).**

RMS: (Memandang tepi bercakap dengan pihak ketiga)

**SMS: Bagaimana**

**RAH: (Ketawa)**

**SMS: Kemudahan zaman tu dengan zaman sekarang? Kalau puan tengok lah. [Gangguan bunyi kucing].**

RMS: (Membuat muka sambil tersenyum) Kalau zaman sekarang, saya meninggalkan ITM [Malaysia] tahun berapa eh (memandang atas sambil berfikir), tahun tujuh puluh [70] *something* [sesuatu] la kan?

**RAH: (Mengangguk)**

RMS: Masa tu, masa di -- Shah Alam tu [Malaysia], agak lebih baik daripada di \_ lah. Sebab kita ada (reaksi tangan) setiap tempat, dipanggil apa eh, unit eh, ada, Asrama Seroja [Malaysia], asrama apa-apa nama lagi lah, bunga tu. Ha setiap tempat tu, ada (berfikir) tempat makan. *So* [jadi], kita tak payah lagi naik bas, ke apa ke \_ . Kitorang nak cari ke bilik air yang kena sikit lah, kan?

**RAH: (Mengangguk dan tersenyum)**

RMS: Tapi kalau *you* [awak] kata sekarang, (berfikir). Saya tak tahu, tapi sekarang lebih baik daripada zaman saya, kan. Makan pun sedap, ada bilik, ada disediakan kemudahan, kan. Lama (menggeleng) saya tak pergi, saya tak tahu macam mana keadaan sekarang.

**RAH & SMS: (Tersenyum)**

RMS: Ye, Shafiena?

**SMS: Okay, saya nak tanya [gangguan bunyi kertas] pasal Kajian Sains Perpustakaan pulak. Siapa ketua kajian ketika itu? Ketua kajian.**

RMS: *Time* [masa] saya, ketua kajian, nama dia Puan Morlina \_ . Ha dia ni India. India. (Berfikir panjang). Kita ada *lecturer* [pensyarah] [gangguan bunyi kertas] yang daripada pelbagai bangsa dan negara. Macam dia, daripada India [India]. Tapi tahu la dia pergi \_ ke \_ \_ \_ \_ \_ lah. (menggeleng). Tapi masa saya, dia ketua kajian. Itu ketua kajian \_ . [Gangguan bunyi hentakan].

**SMS: Seterusnya, saya serahkan pada Rabiatul.**

**RAH: Okay. Baiklah puan, saya sambung. Tadi saya nak bertanya soalan. Yang pasal-- kan puan kata, (reaksi tangan) kalau makanan semua kan, disediakan kan?**

RMS: (Mengangguk).

**RAH: Tapi (reaksi tangan) dia punya makanan tu, kita kena bayar ke, dah bayar termasuk dalam yuran sekali?**

RMS: Rasa saya, dia dah masuk dalam yuran kot. Macam-- *time* [masa] saya, dia ada, macam ada bantuan. Saya pun tak tahu macam mana. sama ada isi borang, apa, tapi bantuan, se-setiap bulan kita dibayar macam empat puluh lima [45] Ringgit Malaysia kot. Tapi tak dibayar bulanan lah, dia macam (mengingat) enam [6] bulan sekali dia bayar, macam tu.

**RAH: Oh.**

RMS: *So*, [jadi] kalau kita makan tu, kiranya makan percuma lah. Semua ditanggung oleh ITM [Malaysia] masa tu.

**RAH: (Mengangguk). Okay. Okay -, faham. Okay, seterusnya, saya nak-- (serentak).**

**SMS: Saya nak tanya-- (serentak).**

**RAH: Okay.**

**SMS: Jap-jap, saya nak tanya sedikit. Ketika itu puan ada biasiswa ke atau macam mana dia punya bayaran dia-- (serentak).**

RMS: Tak- takde. Takde disebut macam biasiswa. Tapi kita takde (menggeling) bayar apa-apa. Takde lah katakan macam sekarang ni ada perjanjian khas, isi borang. Ada syarat-syarat tertentu, kan.

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

RMS: Ha, pada masa tu takde (menggeling). *I think* [saya rasa] sebab masa tu ITM [Malaysia] masih baru. Jadi diorang nak menggalakkan lebih ramai bumiputera untuk belajar di pengajian tinggi kan.

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Pusat pengajian tinggi. Jadi dia bagi bagai-bagai kemudahan. Tapi *in term of* [dari segi] biasiswa, saya ingat bukan (menggeling). Takde tersebut macam tu. Tapi kita mendapat bantuan lah, setengah-setengah mendapat bantuan, yang saya kata empat puluh lima [45] Ringgit Malaysia satu bulan tu. Tapi yang lain-lain kita tak bayar.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

**RAH: Okay, baiklah. Kalau yang bantuan empat puluh lima [45] Ringgit Malaysia tu semua dapat ke? Semua *student* [pelajar] ke dapat?**

RMS: Saya rasa tak kot. Saya pun tak pasti. Tapi macam - yang kawan saya dia orang Singapura [Singapura], kan. Mungkin dia tak dapat lah kot. Tak- takde tanya pulak lah. Tapi (memandang tepi) kalau *time* [masa] yang (ketawa kecil) nak terima gaji tu (reaksi tangan), ramai-ramai lah kami yang beratur kan.

**RAH: (Ketawa)**

RMS: Takde nampak. Yang- katanya *Singaporean* [Orang Singapura] ke apa dia tu .

**RAH: Okay-, faham. Okay, untuk soalan-- (serentak).**

RMS: Sekarang memang ada biasiswa ya?

**RAH: Apa dia, biasiswa?**

**SMS: Sekarang ada biasiswa-- (mengangguk) (serentak).**

RMS: Sekarang ada biasiswa ye? Oh.

**SMS: Aah (serentak).**

**RAH: (Mengangguk).**

RMS: Sebab apa, dah terlalu ramai lah tu.

**SMS & RAH: Betul (mengangguk).**

**RAH: Sebab sekarang biasiswa pun ada. Pinjaman pun banyak jugak sekarang, yang disediakan.**

RMS: (Mengangguk setuju).

**SMS: Yang PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional] (serentak).**

RMS: Sebab pelajar terlalu ramai. Jadi ITM [Malaysia] tak dapat nak membiayai semua, kan?

**SMS & RAH: (Mengangguk).**

RMS: Jadi dia tengok pada pencapaian, kedudukan. ekonomi, keluarga,kan.

**RAH: (Mengangguk). Betul-betul. Okay baiklah, untuk soalan seterusnya, saya nak tahu pulak, tentang kursus ni. (Reaksi tangan). Apa persepsi, keluarga dan rakan-rakan puan tetang kursus Kajian Sains Perpustakaan ini?**

RMS: Persepsi keluarga eh?

**RAH: (Mengangguk setuju).**

RMS: Keluarga saya ni, dia bukan datang daripada keluarga yang berada. Jadi mereka, orang kata apa (berfikir) macam kais pagi, makan pagi macam kurang lah sikit ilmu pasal, apa tu sains perpustakaan. Bila saya pilih Sains Perpustakaan tu, diorang pun ok aje. Takdelah tanya, "Eh kenapa", "Apa tu" takde. Jadi nak kata persepsi tu tak tahu lah. Lebih pada saya punya pilihan. Kalau yang masyarakat lain tu, saya ingat diorang lebih memikirkan perpustakaan, kita kata perpustakaan. Tapi pada diorang masih lagi disebut kepada kutub khanah



[kutub khanah kini dipanggil sebagai perpustakaan]. Dulu-dulu kan orang panggil khutub khanah, dia tak panggil *library* [perpustakaan]. Kalau macam kat sekolah pun, kutub khanah sekolah, kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

RMS: *Then* [seterusnya], persepsi diorang saya rasa, *it's more like* [ia lebih kepada] tempat orang pergi pinjam meminjam, baca buku. Kalau orang yang kerja kat situ pun, kerjanya cop-cop je. Atau pun susun-susun buku, macam tu je. Takde lebih pada tu. Itu pada masa dulu lah.

**RAH: Okay-, faham. Okay, soalan berikutnya, saya nak tahu apa pendapat puan keunikan, Sains Perpustakaan ini? Apa yang uniknyanya ini berbanding dengan kursus-kursus lain?**

RMS: Kursus-kursus lain? Saya rasa tak boleh dibandingkan kot sebab Sains Perpustakaan *is* [ialah] Sains Perpustakaan lah. Dia, kalau katakan kita minat membaca, ha itu salah satu daripada saya punya hobi lah, dulu saya suka membaca. Jadi kalau yang kita suka membaca, kita lebih, orang kata mudah minat kepada Sains Perpustakaan. Sebab kita memikirkan ada banyak bahan, ada banyak ilmu yang kita boleh timba, kan. Walaupun bila kita dah kerja tu, kita takde masa nak membaca semua buku yang ada, kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

RMS: Lebih nak menyiapkan kerja je. Jadi (berfikir) saya tak tahu lah persepsi orang macam mana atau apa istimewanya. Tapi kalau macam saya, saya rasa kita ada macam satu tanggungjawab. Setiap kerjaya ada dia punya, apa orang kata kan, keistimewaan dia, kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

RMS: Pada – saya lah, pada saya. Kita, selain daripada bertugas tu kan, kita sebenarnya mengajar, mendidik kita punya pelanggan untuk mengetahui dengan lebih baik lagi ilmu-ilmu yang ada dalam buku-buku ataupun bahan-bahan audiovisual yang kita sediakan, kita pilih. Kita tak sebarang beli apa saje. Kita pilih, bahan apa yang kita nak sediakan dalam perpustakaan. *So*, [jadi] itu yang uniknyanya sebab kita sebenarnya mendidik

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

RMS: Apa tu -, masyarakat ataupun *client* [pelanggan] kita. Itu unikunya. Tapi kalau macam bidang-bidang yang lain, diorang ada *speciality* [keistimewaan] dia pulak. Macam orang yang mikrobiologi, bidang dia, kursus yang itu, ilmunya lebih mendalam dan lebih – lagi unikunya. Jadi saya rasa kita tak boleh nak buat perbandingan [gangguan bunyi tetikus] perpustakaan apa, kursus lain apa. Masing-masing ada dia – punya kekuatan dia dan sumbangan dia pada masyarakat.

**RAH: Okay, betul tu. (Serentak).**

RMS: Okay dah \_ ?

**RAH: Betul-betul.**

RMS: *So you must not* [awak tak perlu] rasa rendah diri kalau orang kata, “Alah, kursus Sains Perpustakaan aje? Apa tu? Pinjam-pinjam buku ke”. Ha, macam tu, kan. Masih- lagi ada orang yang– fikir macam tu. Tapi saya rasa sekarang Sains Perpustakaan dah lain. Kita *the fingertip* [hujung jari] boleh buat pencarian itu ini apa semua. *So we are* \_ [jadi kita adalah \_].

**RAH: Okay, betul tu puan. Sekarang ni Kajian Sains Perpustakaan dipanggil sa-- Pengurusan Maklumat, tapi *still* [masih] jugak ada orang rasa macam, kursus ni macam kursus yang biasa saja. Kita kena membaca sahaja. Masih ada membuat perbandingan macam tu.**

RMS: Itu lah, kita lah yang kena, (berfikir) orang kata apa, tukarkan dia punya-- (serentak).

**RAH: Persepsi.**

RMS: Persepsi dia. Kita kena \_ persepsi. Dulu-dulu kalau orang datang *library* [perpustakaan], orang fikirkan yang kerja dekat *library* [perpustakaan] tu makcik-makcik tua, bersanggul. Kerjanya cop-cop yang tak kahwin, semua kan (ketawa bersama). Tapi sekarang-sekarang tengok Rabiatul, Shafiena, *glamour* [menarik] lagi-- (serentak).

**RAH: Tak lah. Okay.**

RMS: (Membetulkan tudung). Ramai, itu pun jadi tarikan juga tu. Kalau orang nak - datang *library* [perpustakaan], dia tengok, “Oh, orang kerja kat situ lawa-lawa” (ketawa bersama).

**RAH: Ya, betul jugak tu, puan. Okay, seterusnya saya nak tanya pulak puan, sejauh manakah pengetahuan puan dalam prospek kerjaya dalam bidang ini?**

RMS: Pengetahuan saya, prospeknya, *the sky is the limit* [langit adalah hadnya]. Sekarang dengan teknologi, kita tak terikat kepada cara lama. Kita menggunakan teknologi dan kita mesti *up to date* [terkini] dan setanding dengan lain-lain bidang juga. *S*, [jadi], macam dulu-dulu, kita nak cari bahan, kita apa eh, guna katalog. Katalog yang kecil-kecil tu, kan-. *And then*, [dan seterusnya] cara pencarian terhad. Sekarang ni dengan komputer apa semua, pencarian lebih mudah, lebih cepat dengan internet semua. Kita punya *searching is by keywords* [pencarian dengan kata kunci]. Takde lagi pakai yang *subject heading* [tajuk pelajaran] yang (menggeling sambil ketawa), taktau la. Ha, tak ade lagi dah buku-buku tebal macam bantal yang apa *\_ subject heading* [tajuk pelajaran] \_ dah la mahal, tebal, berat pun ada.

**RAH & SMS: (Ketawa).**

RMS: *And then* [dan seterusnya], bahasa dia lain. Macam kita orang *library* [perpustakaan] fikir kalau nak cari sekian-sekian cari perkataan ini saja, baru jumpa. Tapi orang awam, dia tak fikir macam tu, kan?

**RAH: (Mengangguk). Betul-betul.**

RMS: *So*, [jadi] sekarang ni senang. Dengan komputer *you can use by keywords* [awak boleh cari dengan kata kunci]. *Whatever you* [apa sahaja awak] fikir cara yang tu dapat, kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

**RAH: Betul. Aah, betul tu puan. Senang je sekarang, cari guna *keywords* [kata kunci] je, cari ka-- (serentak).**

RMS: Kan.

**RAH: Selain tu nak cari artikel ke, apa ke, semua boleh dapat.**

RMS: Betul. Macam sekarang kita *Google*- pun, kan? Kita tak ada pakai *paperwork*, *anything* [kertas kerja, apa sahaja] yang kita teringat kita *just* [cuma] taip *and then whatever* [dan seterusnya apa sahaja] keluar je *keyword* [kata kunci] dia, dia keluar.

**RAH: Betul tu (serentak).**

RMS: *It is very easy* [ianya sangat mudah].

**RAH: Aah, zaman digital kan? (Ketawa)**

RMS: Tu lah.

**RAH: Okay, baik lah. Sekarang ni kita berbalik pada Shafiena pula.**

RMS: Okay, Shafiena.

**SMS: Okay. Saya nak tanya, bilangan kursus yang ditawarkan dalam Kajian Sains Perpu- Perpustakaan ketika itu?**

RMS: Bilangan eh? Nanti saya bukak fail.

**RAH: (Tersenyum lebar).**

RMS: (Melihat fail). Bilangannya tak banyak la Shafiena. Sebab apa tu, kitorang kan *first batch* [kumpulan pertama] yang buat *Library Science* [Sains Perpustakaan]. Sebelum tu, senior kita tu buat ALA. So kami, *batch* [kumpulan] yang pertama yang buat apa tu, diploma *Library Science* [Sains Perpustakaan] kan.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Ha kursus. Mana dia eh. (Melihat fail). Dia punya, kursus- kursusnya tak banyak dan kita takde *major* - [utama] ke apa ke. Hanya *that certain semester* [sesetengah semester itu] kita macam ada kursus yang ditawarkan. *So*, [jadi] kita ambik lah, ha [gangguan bunyi kertas] macam ada satu [1] tahun tu, ada kursus komputer sains. Ramai yang takut nak ambik komputer sains pada masa tu sebab kita dok [asyik] fikirkan kalau *you* [awak] komputer sains mesti *you* [awak] mesti pandai matematik semua kan.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Takdenya. Masa tu, kitorang belajar komputer sains (ketawa) (reaksi tangan) *is more like* [ia lebih kepada] apa tu, dia punya (ketawa) *one zero zero one* [1001] [satu kosong kosong satu [1001]]. *I don't know what to call it* [saya tak tahu apa nak panggil] lah, tapi yang pakai manual tu, cara dia buat. Sekarang dengan CBS, ISIS lah, dengan apa tu, yang (menepuk dahi sambil mengingat) yang- apa tu lagi, yang, macam *BTLS* [*Basic Tape Library Support*] [Tape Asas Perpustakaan Sokongan] lah apa lah, semua- kan. Ha yang UiTM [Malaysia] apa ha nama? Sistem perpustakaan ke? Ha, semua tu dah- yang terkini. *So*, [jadi], dulu, kursus yang saya tengok 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19,20, 21, 22, 23. Lebih kurang dua puluh tiga [23], dua puluh dua [22] macam tu lah. Tapi *some of the* [sebahagian daripada kursus] tu *is repetitive* [adalah berulang] macam [gangguan bunyi motor] semester pertama, ada *level* [tahap] lain, semester kedua [2], *level* [tahap] lain macam tu. *So some of the* [jadi sebahagian daripada] nama-nama kursus yang kita ada dulu *is Library Orientation* [Orientasi Perpustakaan]. Kemudian ada *Communication Media and Library* [Media Komunikasi dan Perpustakaan]. Ha ni saya tak ingat apa dia *content* [kandungan] dia. Lagi satu kita ada Sosiologi. *And then* [dan seterusnya] kita ada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, (melihat fail) *then* [seterusnya] *Communication Media* [Media Komunikasi], *Communication Study* [Kajian Komunikasi], *Organization Knowledge* [Pengetahuan Organisasi], *Library and Society* [Perpustakaan dan Masyarakat], *Reference Information* [Maklumat Rujukan], *Reference Information Storage* [Penyimpanan Maklumat Rujukan], *Collecting Development* [Mengumpul Pembangunan], macam tu lah. *Special Library, Research* [Penyelidikan], Metodologi, *Design and Art Libraries* [Perpustakaan Reka Bentuk dan Seni]. *Ha*, kursus-kursus macam tu. *S*, [jadi], dalam bilangannya (melihat kertas) ada lah dalam *twenty* [20] *something* [dua puluh [20] macam tu].

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

**SMS: Okay, saya nak tanya, daripada banyak-banyak subjek tu, yang kursus tu, puan minat subjek yang mana?**

RMS: Minat yang mana eh? (Melihat kertas).

**SMS: Ada puan-- (serentak).**

RMS: *Design and Art Libraries* [Perpustakaan Reka Bentuk dan Seni] kot. Haa, saya lebih kepada (reaksi tangan) seni-seni gitu (ketawa). Suka *decoration* [dekorasi], suka mereka, ha macam tu.

**RAH: Ha, soalan (melihat kertas) tadi kan puan kata subjek yang puan lebih kurang *Design and Art* kan [reka bentuk dan seni]? Macamtu. Tapi-- (serentak).**

RMS: (Melihat kertas) *Design and Art in Libraries* [Perpustakaan Reka Bentuk dan Seni].

**RAH: Aah. Apa pulak subjek yang kurang diminati oleh puan?**

RMS: (Melihat kertas sambil ketawa). Yang tak paling tak suka masa tu *is* [ialah] *Information Storage and Retrieval* [Penyimpanan dan Pengambilan Maklumat]. Sebab *lecturer* [pensyarah] dia garang. (Mendekatkan kamera sambil berbisik) (ketawa bersama).

**RAH: Dah agak. Tapi subjeknya senang ke tak? Ke sebab *lecturer* [pensyarah] je**

RMS: Bila saya fikir sekarang, senang. Senang aje. Tapi pada masa tu kita dok, orang kata apa, tak pandai. Hingus meleleh lagi, tak pandai. Apa benda ni kan. *So* [jadi], pada kita masa tu susah la, tu yang jadi tak minat tu (ketawa). Tapi bila fikir-fikir sekarang, hak alah, senang je, la.

**RAH: Lagi-lagi puan dah bekerja kan, dah ada banyak pengalaman. *So* [jadi], puan dah tahu la benda tu, macam mana nak buat, macam mana nak-- (serentak).**

RMS: Betul. Ha, kadang-kadang namanya dan cara penyampaian pensyarah tu buat kita macam rasa, ish susahnyanya, kan?

**RAH: (Mengangguk). Betul.**

RMS: Bila jadi susah tu, ada stigma la yang *that was blur, lost* [yang kabur, hilang].

**RAH & SMS: (Mengangguk).**

**RAH: Kadang sebab pensyarah tu, kalau dia garang ke apa, terus kita *assume* [mengganggap] macam susah la subjek ni. Kita terus taknak belajar subjek tu.**

RMS: Sama lah macam yang kita nak belajar te --, apa tu, (melihat kertas) komputer, alah saya ingat apa nama kursus tu. Dia tak sebut komputer tapi *it is* [ia adalah] komputer lah. Komputer yang macam dulu-dulu punya tu, ha pada masa tu,

ditawarkan, saya ingat ditawarkan, ada lima [5], enam [6] orang je yang *take that paper* [ambil kertas itu]. Sebab kita dok fikir, “Eh, kalau ambik komputer, kita kena pandai *maths [mathematics]* [matematik] dulu, baru boleh ambik, kan. Ha macam tu. Ada dia punya kekangan di fikiran kita tu.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Tapi sebenarnya tak payah buat tambah, campur, tolak, bahagi apa pun. *It just* [ia cuma] komputer la kan.

**RAH: Okay, macam puan kata tadi macam ada kena buat maths tu semua, sebenarnya dia bukan maths yang macam, zaman sekolah kan, kita kena buat \_ macam tu, takde lah kan? (serentak)**

RMS: Bukan-bukan (menggeleng) (serentak).

**RAH: Sebab kita punya kursus, dia lebih kepada membaca kan? Betul (mengangguk).**

RMS: Dia tak susah lah sebenarnya. Tapi (memegang dahi) pada masa tu kita kan muda. *And then* [dan seterusnya] masing-masing dok fikir adoi ape benda ni. Semua (menggeleng) jadi susah. Yang senang jadi susah, kan?

**RAH: (Mengangguk). Betul-betul.**

RMS: Okay, seterusnya saya nak tanya-- (serentak).

**SMS: Saya nak tanya ye.**

**RAH: Okay (ketawa bersama).**

**SMS: Saya nak tanya sikit ye. Ada tak puan pernah ulang, macam maksudnya gagal, *repeat* [ulang] semula *paper* [kertas] tu?**

RMS: Ada – (melihat fail). *Paper* [kertas] yang saya kata *lecturer* [pensyarah] garang tu (ketawa bersama).

**RAH: Okay seterusnya saya nak tanya, bagaimana silibus pembelajaran waktu tu?**

RMS: Silibus? (Melihat kertas). Tu lah yang saya kata. Silibusnya macam subjek-subjek yang ditawarkan tu macam *Library Orientation* [Orientasi Perpustakaan.]. *Library Orientation* [Orientasi Perpustakaan.] pun saya tak ingat, (menggeleng) apa dia *content* [kandungan] dia. *Then* [seterusnya], \_

*Communication Media and Libraries* [Media Komunikasi dan Perpustakaan]. Orang kata lebih kepada asas lah, pengenalan kepada perpustakaan, macam tu. Tak ada yang macam sekarang ni, rasa saya kursus dia, *content* [kandungan] dia lebih padat dan lebih jitu kan?

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Ha macam-macam lagi. *More on* [lebih kepada] teknologi apa semua. Tapi pada masa dulu, *is more like* [lebih kepada] benda-benda yang manual, yang *basic* [biasa], *talk about library building* [bercakap mengenai bangunan perpustakaan], *library* [perpustakaan] punya *collection development* [pengembangan koleksi] macam tu lah. *And then of course*, [dan seterusnya, semestinya] Sosiologi sebab dia nak \_ masyarakat macam mana, reaksi orang macam mana.

**SMS: Okay, saya nak tanya tentang (melihat kertas) bagaimana mode pembelajaran ketika itu? Maksudnya major dan minor subjek pada ketika itu.**

RMS: (Menggeleng) Takde. Kitorang, *whatever* [apa-apa sahaja] yang *offer* [ditawarkan]--

**SMS: Takde (mengangguk).**

RMS: *You take it* [awak ambil]. Tapi ada lah *one [1] or two [2]* [satu [1] atau dua [2]] semester, macam ada, macam saya kata tadi ada komputer sains, macam tu. Tapi *is* [ialah] bukan katakan major ke apa ke macam tu lah. Takde-- major. Semua mini je (ketawa).

**RAH: (Ketawa).**

**SMS: (Melihat kertas) Okay ada--. Saya nak tanya pasal pencapaian apa-apa lah, macam anugerah ataupun apa-apa pencapaian lain yang diterima, ketika puan belajar atau pun ambik kursus di ITM [Malaysia]?**

RMS: Pencapaian apa ye? Takde, kitorang hanya *attend classes* [menghadiri kelas-kelas] macam tu, ada kokurikulum. Kokurikulum pun *student* [pelajar] pandai-pandai main sendiri je lah. Buat persatuan-persatuan ni macam tu je. Tapi *in term of* [dari segi] pencapaian yang lain, [gangguan bunyi] takde apa-apa rasanya.



**SMS & RAH: (Mengangguk)**

**SMS: Boleh saya tahu apa kurikulum puan ketika itu?**

RMS: Kurikulum?

**SMS & RAH: (Mengangguk).**

RMS: Kokurikulum, maksudnya Shafiena, subjek-subjek yang ditawarkan? Itu lah kurikulum kita. Tapi *content* [kandungan] dia, saya tak ingat dah la. Apa-apa dia kan. Jadi, *of course* [semestinya] lah kalau *we talk about special library*, [kita bercakap mengenai perpustakaan khas] dia cakap lah pasal sekarang ni, apa dia *special library* [perpustakaan khas] tu apa benda, apa fungsinya, siapa *client* [pelanggan] kita. *How did you like to catter you* [bagaimana anda ingin melayani pelanggan anda] punya *work* [kerja] tp *special library* [perpustakaan khas] punya *environment, client* [persekitaran, pelanggan] macam tu. *And then*, [dan seterusnya] kita ada jugak *public library* [perpustakaan awam], kita ada *reference and information work* [kerja rujukan dan maklumat], dia ada macam tu. *So*, [jadi] kalau (memegang muka) *you* [awak] kata silibus, *content*, [kandungan] saya tak ingat, tapi lebih kurang macam tu lah. Silibusnya yang macam saya kata tadi, ha kursus-kursus yang ditawarkan, ada saya sebut tadi, kan? Apa dia--. Macam tu lah. Takde lah canggih macam tu, sekarang.

**SMS & RAH: (Mengangguk)**

**SMS: Okay, saya nak tanya pasal fasiliti \_\_ dan juga kemudahan pada pengajaran dan pembelajaran ketika itu. Maksudnya, *lecturer* [pensyarah] guna apa, *student* [pelajar] guna apa masa belajar.**

RMS: (Ketawa). Masih lagi cara \_\_ cara lama. Kita --, *lecturer* [pensyarah] cakap aje. Dia pusing \_\_, kita dengar. *Try to take note* [cuba membuat nota] macam tu. (Memandang atas sambil berfikir). Ada ke *overhead projector* [projektor overhead]. Ada kot *overhead projector* [projektor overhead]. Tapi- *not many* [tak banyak] kot. Lebih pada pensyarah lah. \_\_\_\_\_. Saya tak perasan lah, ada tak *overhead projector* [projektor overhead]. \_\_\_\_\_ lah. Dia ada yang *lecturer* [pensyarah] yang tak \_\_ menarik. Atau pun dia pandai menarik perhatian kami. Ha jadi – seronok lah. Ada kalanya, *lecturer* [pensyarah] tu asyik pegang

pen aje, dia tunduk je, ha. Kami pun tidur lah macam tu. *So* [jadi], dia tak ada kepelbagaian cara lain.

**SMS & RAH: (Ketawa & mengangguk).**

RMS: Untuk orang kata apa, mempelbagaikan cara pembelajaran dan pengajaran. Sekarang dah canggih kan.

**RAH: (Mengangguk).**

**SMS: Adakah \_ -- (serentak).**

RMS: Ada \_ \_ \_ (Batuk kecil).

**SMS: Penggunaan komputer ada kan, puan? \_ komputer-- (serentak).**

RMS: Penggunaan komputer dalam *classroom* [bilik darjah]?

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Dalam *classroom* [bilik darjah] ke?

**SMS: Untuk buat kerja ke? Ha (Mengangguk).**

RMS: (Batuk kecil). Takde - (menggeleng). Masatu takde. Kitorang kalau nak apa-apa pun, (menggaru dahi) tulis tangan je. Kalau ada *assignment* [tugasan] pun tulis tangan je.

**SMS: Oh (mengangguk).**

RMS: Takde pakai *words* [perkataan] ke dulu-dulu *words perfect* [perkataan sempurna] kan?

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Dia ada *words* [perkataan] kan. *That- one very much later* [itu kemudian]. Kalau *assignment* [tugasan] kitorang, *we usually* [kami kebiasaannya] tulis tangan.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

**SMS: Okay seterusnya., saya serahkan kepada Rabiatul.**

**RAH: Okay baiklah puan. Sebelum ni kan--. Tadi kan puan cakap kalau macam buat *assignment* [tugasan] ke apa kan, kena tulis tangan. Macam kita kan sekarang ada *Microsoft Words, Microsoft Powerpoint. S,* [jadi], senang buat la da- dari situ.**

Maknanya kalau buat *research* [penyelidikan] kalau waktu dulu, kalau untuk *assignment* [tugasan] lah memang cari dekat *library* [perpustakaan] saje ke? Sebab kan, takde komputer lagi, kan? Buku-buku-- (serentak).

RMS: Kalau buat *research*, *of course* [penyelidikan, sudah tentu] lah kita pergi *library* [perpustakaan], cari buku *reference* [rujukan] salin-salin apa semua tu *and copy* [dan salin], bubuh [letak] dekat dalam kita punya *assignment* [tugasan] \_ \_ . Kalau ada gambar, pergi lah ambik gambar, kamera, tampal kat situ. Macam kalau macam *special* [khas], *let me see* [biar saya tengok] subjek mana eh. *Special library* [perpustakaan khas] kot-. Saya buat *special library* [perpustakaan khas] untuk Orang Asli [orang asal]. *So* [jadi], kita pergi lah ke tempat-tempat Orang Asli semua. Jumpa masyarakat situ. *And then* [dan seterusnya] tengok bilik bacaan depa kalau ada, kalau takde pun, \_ . Lepastu kalau ada gambar-gambar, *we put on the photograph* [kami letakkan gambar itu] lah, tampal la kat situ. *So* [jadi], takde komputer apa semua (menggeleng).

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: *And then* [dan seterusnya] dalam *library* [perpustakaan] (berfikir sambil memegang muka), ada ke komputer? Mungkin terhad kot kat- dalam – untuk, orang kata apa. Pegawai yang bekerja di \_ *of course* [sudah tentu] lah. (Temubual tersebut dalam tempoh tujuh [7] saat).

**RAH: (Mengangguk). Okay, betul tu.**

**SMS: Boleh saya tahu kat mana yang, tempat Orang Asli puan buat, kerja tu?**

RMS: (Mata melilau sedang berfikir). Orang Asli kalau tak silap saya Bukit Lanjan kot [Malaysia], Bukit Lanjan [Malaysia]. *Let see* [mari lihat] ye, *where is* [di mana] Bukit Lanjan (memandang siling sambil berfikir). Atas pada sekarang ni Damansara Utama [Malaysia]. Kat mana eh, dah lupa dah (menggeleng). Se- sebelah, atas sikit antara Taman Tun Hulu [Malaysia] (reaksi tangan). Tempat tu dah lain lah (mengerutkan muka). Saya pun tak tahu dah mana dah sekarang ni Bukit Lanjan [Malaysia] tu. Tapi nama tempat tu Bukit Lanjan [Malaysia] lah.

**SMS: (Mengangguk)**

**RAH: Okay, mungkin jugak nama tu bertukar ke sekarang.**

RMS: Mungkin-mungkin. *Of course* [semestinya] lah, apa tu, masyarakat tu pun, dia lebih maju daripada sekar--, daripada dulu lah kan.

**RAH & SMS: (Mengangguk)**

RMS: Macam dulu tu, nampak diorang macam-macam kekurangan.

**RAH: (Mengangguk) Betul-betul. Selain, apa, puan punya kerja luar dekat tempat Orang Asli tu, ada ke *assignment-assignment* [tugasan-tugasan] lain yang melibatkan kerja luar jugak, kat tempat lain ke? Yang puan kena keluar daripada UiTM, ITM [Malaysia].**

RMS: (Berfikir panjang). Ada kot. Ada, tapi tak banyak lah. Macam, *mostly* [kebanyakannya] kalau macam, bahan yang kita cari tu, tak ada atau pun tak cukup di ITM [Malaysia], *then we go out to other libraries* [dan seterusnya kami keluar ke perpustakaan-perpustakaan lain] cari, macam tu lah. Tapi kalau kata projek-projek yang, apa tu, kena *go out and* [keluar dan] buat apa tu, tak banyak lah. *Just-* [cuma] macam *special library or public library* [perpustakaan khas atau perpustakaan awam] macam tu atau pun *Design Art and Libraries* [Seni Reka dan Perpustakaan]. Itu pun, tak banyak- (menggeleng).

**RAH: Okay-okay. Tapi ada jugak lah, kan? Macam sama jugak macam sekarang jugak.**

RMS: Ye.

**RAH: Okay, seterusnya saya akan masuk pulak --, boleh ke puan ceritakan sedikit tentang peristiwa yang puan tak boleh lupakan masa belajar dalam kursus ini?**

RMS: (Ketawa) Ada beberapa (ketawa).

**RAH: Ha okay, boleh puan cerita (ketawa bersama).**

**SMS: Cerita je puan-- (menggeleng) (serentak).**

**RAH: Aah (serentak).**

RMS: Okay. Cerita yang seram dulu eh?

**RAH: Oh (reaksi tangan) (ketawa bersama).**

RMS: Kan kitorang ni duduk (reaksi tangan) di Shah Alam [Malaysia]. Ha, ape ha (menggaru dahi sambil mengingat semula) Asrama Seroja [Malaysia] ke ape ke namanya. Tapi baru lah (reaksi tangan). Jadi kawasan belakang kami tu masih lagi hutan macam tu, gelap. *So* [jadi], bila *exam* [peperiksaan] ni, *of course* [semestinya] lah kitorang ni ada yang pesen [fesyen] tidur siang, jaga malam. Nak belajar, kan?

**SMS & RAH: (Mengangguk)**

RMS: Sebab selalu bising, kan. Macam-macam pesen lah cara nak belajar. Kebetulan salah sorang kawan saya tu dia ni, dia ni, dia pesen tidur siang, jaga malam. *So* [jadi], dia pesan dengan kawan dia, “Kalau *you* [awak] nak tidur karang [nanti], *you* [awak]kejutkan *I, I* [saya] nak belajar”. *So* [jadi], bila dia bangun saje, agaknya badan dia lemah ke, orang (reaksi tangan) orang sebelah *dorm* [bilik asrama] dia tu sudah dok jerit-jerit lah. Dah kena rasuk dengan hantu. Sekali bila dia bangun je, kawan saya (reaksi tangan) yang duduk sebelah ni bangun je, yang hat [dekat] bilik sana tu, singgah, pindah badan dia (batuk). *So* [jadi], dia melolong lah, menjerit-menjerit lah. Dia jadi harimau kot. Dia jalan merangkak, dia cakap pun suara dia \_ \_ \_ \_ . *So* [jadi], tu satu pengalaman lah. *So* [jadi], jadi kitorang yang, kawan-kawan dia yang sebelah-sebelah tu datang lah nak- tengok dia. Tapi tak pandai nak tolong macam mana kan. Sebab dia jalan, merangkak-rangkak macam harimau. Dia cakap pun suara dia lain. Gerun lah, kan.

**RAH: (Mengangguk).**

RMS: Sebab tempat tu orang kata keras la.

**SMS: (Mengangguk).**

RMS: Ada banyak toyol. Sebab sebelah tu (reaksi tangan) dia hutan, kan?

**SMS & RAH: (Mengangguk).**

RMS: *So* [jadi], tu salah satunya. Jadi kitorang pun panggil lah *senior-senior* [orang lama] yang lelaki, tah mana datang, dia dah la jampi serapah dia apa semua tu (mengangguk). Itu saya tengok sendiri kawan saya, dia (berfikir) (reaksi

tangan) cakar almari tu, macam dia nak (reaksi tangan ingin memanjat) memanjat kan.

**SMS & RAH: (Mengangguk)**

